



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian
Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARI KHAMIS: 10 JUN 2010

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8,10 HINGGA 14, DAN 16 HINGGA 65)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7, 9 DAN 15

[RUJUK PENYATA RASMI HARLAN (HANSARD)]

SIDEK
CAW.
PERUNDANGAN
PARLIMEN
MALAYSIA

Soalan No: 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARI PAD A TUAN GOBALAKRISHAN A/LNAGAPAN
[PADANG SERAI - PKR]
TARIKH 10 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN NO. 8

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai - PKR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah gelanggang sukan pelbagai guna yang sudah dibina serta siap dan sedang digunakan di kawasan Parlimen Padang Serai dan berapakah perbelanjaan untuk membina.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan telah memperuntukkan dua (2) buah gelanggang sukan pelbagai guna bagi setiap Dewan Undangan Negeri (DUN). Jumlah gelanggang bagi setiap kawasan Parlimen bergantung kepada bilangan DUN di dalam sesbuah kawasan Parlimen berkenaan. Bagi Parlimen Padang Serai yang mempunyai 2 buah DUN, sebanyak 4 buah gelanggang telah diperuntukkan.
2. Berikut adalah status pembinaan Gelanggang Sukan Pelbagai Guna KBS di Parlimen Padang Serai:
 - (i) Dua (2) buah gelanggang telah siap dibina iaitu di **Perumahan Desa KEDA Naga Lilit, Mukim Kupang** dan **Tanah Lapang Kg. Tunku Putra, Kilang Lama Kulim**;
 - (ii) Satu (1) gelanggang sedang dalam pembinaan iaitu di **Perumahan Desa KEDA Bagan Sena**; dan
 - (iii) Satu (1) lagi gelanggang yang sepatutnya dibina dibatalkan berikutan tiada tapak yang sesuai.
3. Sebanyak **RM150,000** diperuntukkan bagi pembinaan setiap gelanggang tersebut.

SOALAN NO : 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]
TARIKH 10 JUN 2010
SOALAN

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan untuk menghalang graduan-graduan perubatan tempatan yang lebih minat bekerja di hospital-hospital di Singapura setelah tamat tempoh latihan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tindakan graduan-graduan dalam bidang perubatan yang berhijrah ke luar negara adalah merupakan pilihan individu yang sukar dikawal oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Walau bagaimanapun, Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan meningkatkan kapasiti pengeluaran graduan

dalam bidang perubatan. Hal ini telah menunjukkan perkembangan positif di mana terdapat peningkatan ketara bilangan graduan perubatan yang dihasilkan oleh IPTA, IPTS dan IPT daripada luar negara. Sebagai contoh, dalam tahun 2006, jumlah graduan perubatan yang dihasilkan adalah seramai 1,124 orang dan jumlah ini telah meningkat kepada 3,072 orang dalam tahun 2009. Jumlah pengeluaran graduan perubatan dijangka akan meningkat kepada 3,795 orang dalam tahun 2010.

Di samping itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik dan mengekal Pegawai Perubatan untuk berkhidmat di KKM. Antaranya ialah dengan mengadakan peluang kemajuan kerjaya yang lebih baik melalui pelaksanaan penambahbaikan laluan kerjaya bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi sebagaimana yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 9 Mac 2010.

Selain daripada itu, Kerajaan telah menambahbaik elauan-elaun yang diterima oleh Pegawai Perubatan di KKM seperti peningkatan kadar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal daripada RM 500 kepada RM 750 mulai 1 Januari 2008 dan Bayaran Insentif Pakar di antara RM1,600 sehingga RM 3,100 (mengikut gred) bermula pada 1 Januari 2009. Di samping itu, Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar yang melaksanakan Prosedur/Pembedahan Elektif pada hari Sabtu akan dibayar RM 200 sejam bagi Pegawai Perubatan Pakar dan RM 80 sejam bagi Pegawai Perubatan.

Soalan No : 11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU (BUKIT KATIL)
TARIKH	10.06.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kriteria untuk pengambilan pelajar bagi kemasukan ke sekolah-sekolah berasrama penuh yang berprofil tinggi, berapa ramaikah pelajar yang dipilih berasal daripada keluarga miskin dan kurang berkemampuan tetapi layak belajar di sekoiah berkenaan bagi 5 tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pemilihan pelajar ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

- i. Warganegara;
- ii. Bersekolah di sekoiah bantuan kerajaan;
- iii. Keputusan:
 - UPSR: 5A, minimum 4A,1B (gred B bukan bagi matapelajaran Sains dan Matematik)
 - PMR : 9A/8A, minimum 6A, 2B (gred B bukan bagi matapelajaran Sains dan Matematik);
- iv. Sosial ekonomi keluarga dan jumlah tanggungan;
- v. Penglibatan aktif dalam kurikulum.

Selain itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah murid yang ditawarkan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) adalah berdasarkan kapasiti tempat yang terdapat di lima puluh empat (54) buah SBP seluruh negara. Pengambilan murid tingkatan satu (1) berjumlah 6100 orang setahun, manakala pengambilan murid tingkatan empat (4) berjumlah 3480 orang setahun. Jumlah ini adalah tetap setiap tahun dalam tempoh lima tahun (5) tahun iaitu dari tahun 2005 hingga 2009 iaitu berdasarkan bilangan SBP sedia ada. Manakala pecahan murid pula 70% murid luar bandar dan 30% murid bandar. Oleh sebab itu pada setiap tahun murid luar bandar yang ditawarkan ke tingkatan satu (1) SBP berjumlah 4270 orang dan murid bandar yang ditawarkan ke SBP tingkatan satu (1) berjumlah 1830 orang. Bagi murid tingkatan empat (4) yang ditawarkan ke SBP pula, 2436 orang murid adalah dari luar bandar dan 1044 orang murid bandar.

Rjm 16

Soalan No: 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA - PKR]
TARIKH	10 JUN2010(KHAMIS)

SOALAN NO. 12

Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya - PKR) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sasaran yang diletakkan bagi Kejohanan Sukan Asia 2010 di Guangzhou dan apakah kategori-kategorinya.

JAWAPAN

1. Sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan di Kejohanan Sukan Asia Guangzhou 2010 (12 hingga 27 November 2010) adalah ingin melebihi pencapaian yang dilakukan semasa Sukan Asia Doha 2006 iaitu 8 pingat emas, 17 pingat perak dan 17 pingat gangsa.

2. Di antara kategori atau jenis sukan yang dijangka mampu membawa pulang pingat emas adalah Skuasy, Tenpin Boling, Wushu dan Berbasikal.

SOALAN NO : {.?

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010) _____ —

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)

TARIKH : 10 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Salleh bin Kalbi (Silam) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa Parlimen Silam tidak mempunyai kemudahan Pengajian Agama Islam yang menyeluruh termasuk kelas tahfiz. Apakah perancangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam memartabatkan Islam di kawasan Pantai Timur Sabah khususnya Silam.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap penyediaan kemudahan Pengajian Agama Islam di seluruh Malaysia termasuk di kawasan Parlimen Silam. Bagi tujuan tersebut, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mewujudkan kelas pengajian Islam peringkat rendah iaitu Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) sejak tahun 1990 dengan menempatkan 3 orang penyelia dan 185 guru agama dan melibatkan 5,115 orang pelajar di kawasan Parlimen Silam. Program KAFA memberi tumpuan kepada pemantapan pendidikan asas agama dikalangan kanak-kanak Islam yang berumur antara 7 hingga 12 tahun. Disamping itu, di kawasan Parlimen Silam juga terdapat 3 buah Sekolah Rendah Agama Negeri Sabah dan 16 buah Sekolah Rendah Agama Rakyat yang menawarkan Pendidikan Agama Islam.

JAKIM juga telah mewujudkan Pusat Latihan Islam Lahat Datu yang beroperasi sejak 2006. Ia berperanan memberi latihan, didikan dan bimbingan kepada semua lapisan masyarakat untuk memastikan mereka mengetahui dan memahami ajaran Islam yang sebenar dan berupaya mengamalkannya dalam kehidupan seharian serta melatih para pendakwah supaya boleh menjadi pendakwah yang berkesan.

Selain itu, JAKIM telah memperkenalkan sistem pengajian agama untuk golongan dewasa iaitu Kelas Takmir Masjid/Surau di seluruh negara sejak tahun 1985. Ia merupakan satu pendekatan terbaik bagi memastikan semua

masyarakat mendapat pengetahuan Islam

Berkenaan penubuhan dan pengawalan pengajian agama Islam termasuk kelas tafsir ia adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. JAKIM melalui cawangannya di Sabah sentiasa berkerjasama dengan Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri Sabah bagi membangun dan memartabatkan Islam di kawasan Pantai Timur Sabah khususnya Silam.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 14 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN TERESA KOK SUHSIM

TARIKH: 10JUN2010

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja yang tidak cukup dalam sektor perkilangan dan pembuatan mengikut pecahan negeri di Malaysia. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini memandangkan kekurangan pekerja yang telah menyebabkan pelabur asing menarik pelaburan dari Malaysia.

PR-1232-L38398

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pendaftaran kekosongan jawatan aktif oleh majikan dalam JobsMalaysia sehingga 31 Mei 2010 bagi sektor perkilangan & pembuatan sebanyak 78,553 dan pecahannya adalah seperti berikut:

NEGERI	Sektor Pembuatan & Perkilangan (kekosongan ditawarkan)
PERLIS	81
KEDAH	4511
PULAU PINANG	12,821
PERAK	3375
SELANGOR	23,246
NEGERI SEMBILAN	2652
NEGERI	
Sektor Pembuatan & Perkilangan (kekosongan ditawarkan)	
MELAKA	4098
JOHOR	21,336
PAHANG	1036
TERENGGANU	247
KELANTAN	763
WP KUALA LUMPUR	1949
WP LABUAN	1
WP PUTRAJAYA	1682
SABAH	531
SARAWAK	224
JUMLAH	78,553

Rep4412

Tuan Yang di-Pertua,

Daripada jumlah kekosongan di atas, sebanyak 28,478 (termasuk 9,056 penempatan melalui sistem jobsMalaysia) telah diisi. Pengisian telah dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti penempatan Program Penempatan Pekerjaan (3P) dan Program Penempatan Pekerjaan Khas (3P), temuduga terbuka serta pengisian oleh golongan orang kurang upaya (OKU) dan suri rumah.

Bagi mengisi baki kekosongan di atas, Kementerian telah melaksanakan usaha-usaha yang berterusan menerusi langkah-langkah berikut:

- i) Mengadakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) bagi menemukkan pencari kerja dan majikan secara langsung. Program ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja di seluruh negara. Dengan sasaran sekali dalam setahun bagi peringkat nasional di setiap negeri dan dua kali setahun bagi *mini 3P* di setiap negeri, program ini merupakan platform yang menghubungkan secara langsung majikan yang menawarkan pekerjaan dengan pencari kerja dari pelbagai golongan. Program ini dapat memobilisasikan tenaga kerja secara lebih berkesan,
- ii) Mengadakan Program Penempatan Pekerjaan Khas 1 KSM melalui Azam Kerja mengikut senarai e-Kasih. Golongan sasaran Kementerian adalah bagi golongan miskin dan miskin tegar yang telah dikenalpasti ingin bekerja,
- iii) Kerajaan telah menujuhkan 11 Pusat JobsMalaysia (JobsMalaysia Centre) di seluruh negara di bawah kerangka pelaksanaan Pusat Sokongan Perkhidmatan Pekerjaan Berasaskan Komuniti (CESS). Pusat ini berfungsi berdasarkan kaedah kemanusiaan (*human touch*) dan menggunakan portal JobsMalaysia sebagai *enabler*. Pelaksanaan pusat-pusat seperti ini telah banyak dilaksanakan di negara-negara maju seperti Jepun dan Korea, dan kita mengambil contoh seperti apa yang telah dilaksanakan di sana,
- iv) Mengadakan temuduga terbuka di Jabatan Tenaga Keija negeri di seluruh negara bagi mempastikan pekerja tempatan mengisi peluang kekosongan ini,
- v) Mengadakan perundingan dengan majikan supaya bayaran upah yang lebih tinggi dan lain-lain kemudahan ditawarkan kepada pekerja sebagai tarikan kepada pekerja tempatan,
- vi) Mensyaratkan pengambilan pekerja asing dikurangkan dengan mengambil kira

keperluan sebenar setiap syarikat. Langkah ini dapat mengurangkan pengambilan pekerja asing secara berperingkat.

KSM juga telah menyediakan perancangan jangka panjang bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja disamping memastikan pelabur asing terus kekal di dalam negara. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

- i) Menyediakan latihan kemahiran bagi melengkapkan kemahiran pencari kerja bagi memenuhi keperluan jawatan yang dipohon dengan memberi kursus mengikut keperluan sebenar majikan,
- ii) Mewujudkan Dasar Pendapatan Tinggi dengan mengkaji kadar Gaji Minima di semua sektor,
- iii) Memberi kemudahan pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk meningkatkan kemahiran para pencari kerja,
- iv) Menyediakan Program Perantisan dan Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) bagi melatih calon-calon pekerja dalam bidang yang diperlukan oleh sektor perkilangan dan pembuatan,
- v) Memberi makluman dan sebaran kerjaya melalui Career Information Centre (CIC) dalam laman web Kementerian,
- vi) Menggalakkan penggunaan teknologi automasi bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh,
- vii) Mencadangkan supaya penempatan industri pembuatan dan perkilangan dibuka di kawasan luar bandar yang mempunyai penawaran tenaga kerja yang tinggi bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam sektor perkilangan dan pembuatan,
- viii) Menggalakkan majikan untuk menggunakan kaedah *Home Base Working* bagi

kerja-kerja yang boleh dibuat di luar premis oleh latent workforce seperti surirumah, ibu tunggal, belia, OKU dan pesara bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja,

- ix) Meneruskan usaha mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing melalui mekanisme levi, membekukan pengambilan pekerja asing tertentu mengikut negara sumber, tiada kelulusan baru kepada pembekal dan pengurus pekerja asing baru, pekerja asing hanya dibenarkan bekerja dalam negara ini selama 5 tahun dan memperkemaskan semua prosidur dan proses pengambilan pekerja asing,

Tuan Yang di Pertua,

Adalah diharapkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan akan dapat mengatasi masalah kekurangan pekerja di sektor perkilangan dan pembuatan dan seterusnya dapat mengekalkan pelabur asing melabur di negara ini.

SOALANNO : 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN
IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]
TARIKH 10 JUN 2010
SOALAN

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa dijangkakan 80 peratus graduan perubatan akan berhijrah di Singapura selepas Majlis Perubatan Singapura mengiktiraf ijazah perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM) tahun ini. Adakah Kementerian Kesihatan sedia mengkaji semula tangga gaji doktor atau perjanjian untuk mengelak penghijrahan beramai-ramai graduan ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Adalah sukar bagi pihak Kementerian untuk menentukan kesahihan

andaian jangkaan 80% graduan perubatan akan berhijrah ke Singapura. Tindakan graduan-graduan dalam bidang perubatan yang berhijrah ke luar negara adalah merupakan pilihan individu yang sukar dikawal oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan meningkatkan kapasiti pengeluaran graduan dalam bidang perubatan. Hal ini telah menunjukkan perkembangan positif di mana terdapat peningkatan ketara bilangan graduan perubatan yang dihasilkan oleh IPTA, IPTS dan IPT daripada luar negara. Sebagai contoh, dalam tahun 2006, jumlah graduan perubatan yang dihasilkan adalah seramai 1,124 orang dan jumlah ini telah meningkat kepada 3,072 orang dalam tahun 2009. Jumlah pengeluaran graduan perubatan dijangka akan meningkat kepada 3,795 orang dalam tahun 2010.

Di samping itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik dan mengekal Pegawai Perubatan untuk berkhidmat di KKM. Antaranya ialah dengan mengadakan peluang kemajuan kerjaya yang lebih baik melalui pelaksanaan penambahbaikan laluan kerjaya bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi sebagaimana yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 9 Mac 2010.

Selain daripada itu, Kerajaan telah menambahbaik elauan-elaun yang diterima oleh Pegawai Perubatan di KKM seperti peningkatan kadar

Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal daripada RM 500 kepada RM 750 mulai 1 Januari 2008 dan Bayaran Insentif Pakar di antara RM1,600 sehingga RM 3,100 (mengikut gred) bermula pada 1 Januari 2009. Di samping itu, Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar yang melaksanakan Prosedur/Pembedahan Elektif pada hari Sabtu akan dibayar RM 200 sejam bagi Pegawai Perubatan Pakar dan RM 80 sejam bagi Pegawai Perubatan.

SENARAI PEWUJUDAN DAN/PE NAM BAH BAIKAN INSENTIF KEPADA PEGAWAI PERUBATAN

BIL.	1. PEGAWAI PERUBATAN PEWUJUDAN/PENAMBAHBAIKAN INSENTIF	KADAR	TARIKH
			KUATKUASA
1.	Perkhidmatan Pegawai Perubatan Swasta di KKM (Sessional)	Pegawai Perubatan : RM 80 sejam	13 Julai 2002

Pegawai Perubatan Pakar: RM 120 sejam

Full Paying Patient

Konsep ini diperkenalkan bagi memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Perubatan untuk memperolehi pendapatan tambahan

Bil.	Jenis Fi	Kadar pembahagian	
		Pegawai Perubatan Pakar	Hasil Kerajaan
1.	Fi Perundingan	90%	10%
2.	Fi Penyiasatan	30%	70%
3.	Fi Tatacara	60%	40%
4.	Fi Rawatan	50%	50%

1 Januari 2008

PEWUJUDAN/PENAMBAHBAIKAN
BIL. INSENTIF

KADAR

5.	Pakej Pemeriksaan Perubatan dan pakej Perubatan Lain	60%	40%
6.	Laporan Perubatan	60%	40%

3. Kenaikan Kadar Bayaran

Intensif

RM 750 sebulan

Perkhidmatan Kritikal (BIPK)

TARIKH
KUATKUASA

1 Januari 2008

BIL.	PEWUJUDAN/PENAMBAHBAIKAN INSENTIF	KADAR	TARIKH KUATKUASA
4.	Gred	Kadar Sebulan (RM)	1 Januari 2008
	UD53 dan UD54	900	
	UD 45 - UD52	700	
	UD43-UD44	400	
	UD41 - UD44	250	
5.	Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan Gred U kepada UD	Tidak melibatkan implikasi kewangan	1 Januari 2008
6.	Bayaran Insentif Bagi Menjalankan Pembedahan Elektif (Compassionate List) Kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar Pada Hari Sabtu di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	Pegawai Perubatan: RM80.00 sejam Pegawai Perubatan Pakar: RM200.00 sejam	1 Februari 2008

BIL.	PEWUJU DAN/PENAMBAHAIKAN INSENTIF	KADAR	TARIKH KUATKUASA
7.	Bayaran Insentif Klinik Selepas Waktu Pejabat (Locum)	<p>Bayaran Insentif Klinik Selepas Waktu Pejabat kepada Pegawai Perubatan yang menjalankan tugas selepas waktu pejabat di Unit Kecemasan Hospital telah dinaikkan daripada RM30.00 sejam kepada RM80.00 sejam.</p> <p>Bayaran insentif ini juga telah dipanjangkan kepada Pegawai-pegawai Perubatan yang menjalankan tugas selepas waktu pejabat di klinik-klinik kesihatan di 16 klinik kesihatan yang terpilih.</p>	1 Februari 2008
8.	Penyelarasan Kadar Elaun Perudara	RM 30.00 setiap penerbangan	1 September 2008

9. Kenaikan Kadar Bayaran Insentif Pekerjaan
BIL. PEWUJUDAN/PENAMBAHBAIKAN
INSENTIF

KADAR	Gred		Kadar Sebulan (RM)	
	Lama	Baru		
Utama/Khas C dan ke atas	2400	3100		
UD53 dan UD54	2200	2800		
UD51 dan UD52	1800	2500		
UD47 dan UD48	1700	2200		
UD 45	-	2000		
UD43 dan UD44	1400	1900		
UD41	1300	1600		

TARIKH
1 Januari 2009
KUATKUASA

BIL.	PEWUJUDAN/PENAMBAHBAIKAN INSENTIF	KADAR	TARIKH KUATKUASA																							
10.	Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) serta Elaun Balik Kampung (EBK) kepada Pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia RM 500/ RM 1000/ RM 1500		1 Februari 2009																							
11.	(Mengikut lokasi berdasarkan kesukaran kenaikan kadar bayaran insentif pentadbiran hospital bagi pengarah/ penguasa hospital pengangkutan, kos yang tinggi, masa perjalanan yang panjang dan tahap kemudahan asas)	<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Gred</th> <th colspan="2">Kadar Sebulan (RM)</th> </tr> <tr> <th>Lama</th> <th>Baru</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Utama/Khas C dan ke atas</td> <td>1680</td> <td>2480</td> </tr> <tr> <td>UD53 dan UD54</td> <td>1540</td> <td>2240</td> </tr> <tr> <td>UD51 dan UD52</td> <td>1280</td> <td>2000</td> </tr> <tr> <td>UD47 dan UD48</td> <td>1190</td> <td>1760</td> </tr> <tr> <td>UD43 dan UD44</td> <td>980</td> <td>1520</td> </tr> <tr> <td>UD41</td> <td>910</td> <td>1280</td> </tr> </tbody> </table>	Gred	Kadar Sebulan (RM)		Lama	Baru	Utama/Khas C dan ke atas	1680	2480	UD53 dan UD54	1540	2240	UD51 dan UD52	1280	2000	UD47 dan UD48	1190	1760	UD43 dan UD44	980	1520	UD41	910	1280	1 Ogos 2009
Gred	Kadar Sebulan (RM)																									
	Lama	Baru																								
Utama/Khas C dan ke atas	1680	2480																								
UD53 dan UD54	1540	2240																								
UD51 dan UD52	1280	2000																								
UD47 dan UD48	1190	1760																								
UD43 dan UD44	980	1520																								
UD41	910	1280																								

**PEWUJUDAN/PENAMBAHBAIKAN
BIL. Kadar Bayaran Insentif Pegawai Yang
INSENTIF
Melaksanakan Tugas Kesihatan Awam**

Kenaikan kadar Bayaran Insentif Pegawai
Kesihatan Awam kepada Pegawai Perubatan yang

KADAR Maka rajaah Lanjutan dalam bidang kesihatan awam dan melaksanakan tugas dalam bidang berkenaan berkuatkuasa.

**TARIKH
KUATKUASA**
1 Ogos 2009

Gred	Kadar Sebulan (RM)	
	Lama	Baru
Utama/Khas C dan ke atas	1920	2480
UD53 dan UD54	1760	2240
UD51 dan UD52	1440	2000
UD47 dan UD48	1360	1760
UD 45	1200	1600
UD43 dan UD44	1120	1520
UD41	1040	1280

Soalan No : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING
	(KULAI)
TARIKH	10.06.2010

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menambah peruntukan perbelanjaan pembangunan dan penyelenggaraan sekolah bantuan modal dengan secukupnya untuk memastikan semua sekolah bantuan modal berada dalam keadaan selamat dan selesa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh; merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid.

Buat masa kini, Kerajaan tiada perancangan untuk menambah peruntukan Pembangunan dan Penyenggaraan bagi Sekolah Bantuan Kerajaan. Walau bagaimanapun, jika ada keperluan mendesak yang melibatkan keselamatan, Kerajaan sedia membantu tertakluk kepada kemampuan kewangan.

Rjm 15

SOALAN NO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA TUAN KAMALANATHAN A/L

PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]

TARIKH 10 JUN 2010(KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Kamalanathan A/L Panchanathan [Hulu Selangor] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi liputan telefon bimbit yang menghamparkan di kawasan Hulu Selangor pada masa sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 1250 menara komunikasi akan dibina di seluruh negara di bawah Program Time 3. Di Hulu Selangor, sebanyak enam menara telah dirancang untuk dibina. Lokasinya adalah di Kg. Sg.Tamu di Mukim Batang Kali, Felda Sg. Tengi Selatan di Mukim Kerling, Kg.

Gumut dan Kg. Jawa di Mukim Peretak, Kg. Gap di Mukim Sungai Tinggi dan sebahagian Jalan Ulu Yam di Mukim Ulu Yam. Pembinaan menara dijangka bermula pada bulan Julai 2010 dan dijangka siap secara berperingkat mulai bulan Januari 2011.

Bagi Hulu Selangor, kadar liputan populasi telefon selular semasa adalah 98.38%. Kadar ini dijangka akan meningkat kepada 98.67% selepas pelaksanaan Program Time 3 ini.

NO. 19

SOALAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA SOALAN	LISAN
TARIKH	Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT) 10 JUN 2009 (KHAMIS)

Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan mengisytiharkan 13 Mei sebagai Hari Perpaduan Negara sebagai memperingati Peristiwa 13 Mei 1969.

JAWAPAN : (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Kerajaan tidak bercadang untuk mengisytiharkan 13 Mei yang merupakan peristiwa hitam sejarah Negara sebagai Hari Perpaduan kerana sejak tahun 1992, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menjadikan bulan Mei dan Jun sebagai tempoh untuk sambutan Minggu Perpaduan setiap tahun di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat negeri. Sambutan ini bertujuan untuk:

- a. Menyemai serta menggalakkan perpaduan dan integrasi di kalangan masyarakat berbilang keturunan.
- b. Menggalakkan keharmonian masyarakat dan mendidik rakyat tentang kepentingan perpaduan di antara pelbagai kaum, agama dan budaya.
- c. Menyemai semangat setiaawan dan patriotism di kalangan rakyat khususnya remaja.

Di antara program-program dan pengisian dalam sambutan Minggu Perpaduan adalah termasuk:-

- a. Menganjurkan Simposium Rukun Tetangga dan Tabika Perpaduan²⁰
yang disertai oleh ahli-ahli Rukun Tetangga (RT) dari seluruh
negara dan guru-guru Tabika Perpaduan (TP) yang terpilih.
Simposium ini

diadakan dengan tujuan untuk member ceramah mengenai tajuk-tajuk berkaitan dengan perpaduan serta pengurusan RT dan TP. Ianya juga bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dari peserta-peserta tentang usaha-usaha untuk penambahbaikan mekanisme RT dan TP supaya lebih berkesan.

- b. Mengadakan aktiviti-aktiviti sukan seperti *Dodge ball*, di mana penyertaannya terdiri daripada belia pelbagai kaum di bawah Jiran Muda yang mewakili negeri masing-masing. Tujuannya adalah untuk mengeratkan hubungan dan menyemai jalinan di kalangan peserta-peserta.
- c. Penyampaian Anugerah Kalung Perpaduan, Anugerah Rukun Tetangga dan Tabika Perpaduan Cemerlang untuk memberi pengiktirafan kepada individu, badan-badan atau pihak-pihak yang telah banyak menyumbang idea dan berjasa di dalam memperkuuhkan perpaduan masyarakat di negara ini, serta RT-RT dan TP-TP yang telah menunjukkan prestasi cemerlang di tahun yang lalu.

Kerajaan berpendapat bahawa pendekatan seperti ini lebih memberi manfaat kepada masyarakat berbanding dengan mengingati satu peristiwa yang mungkin masih akan menguris kembali perasaan yang kurang positif di kalangan rakyat negara ini.

DEWAN RAKYAT
MALAYSIA PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
[KAPAR]

TARIKH : 10 JUN 2010

SOALAN :

Tuan Manikavasagam [Kapar] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan jumlah rumah atau pangsapuri kini diduduki oleh orang awam yang dibina di tanah milik Keretapi Tanah Melayu atau agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Nyatakan jumlah penghuni atau pembeli tersebut yang masih tidak mendapat "*strata title*".

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Aset Keretapi (PAK) selaku pentadbir kepada tanah-tanah keretapi telah menetapkan dasar supaya tiada sebarang kelulusan diberikan atas tujuan bangunan kediaman. Sehubungan dengan ketetapan tersebut, PAK tiada sebarang rekod berhubung jumlah rumah atau pangsapuri yang dibina di atas tanah-tanah keretapi. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat rumah yang dibina dalam tanah-tanah keretapi, maka struktur tersebut adalah diklasifikasikan sebagai setinggan kediaman yang menceroboh tanah kerajaan.

Berhubung dengan bangunan kediaman atas tanah Kerajaan Persekutuan, dimaklumkan bahawa sehingga kini di seluruh Malaysia termasuk Sabah terdapat sejumlah 42,149 unit rumah berbilang tingkat di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Kesemua unit-unit rumah ini dibina di atas konsep sewa yang tidak memerlukan pengeluaran hak milik strata, kecuali bagi Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur, Kerajaan telah bersetuju untuk menjual unit-unit rumah ini kepada sesiapa yang layak.

Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, terdapat sejumlah 29,562 unit rumah PPR

yang dibina di atas tanah PTP yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan pada 12 Ogos 2009 supaya PTP menyerah balik tanah-tanah terlibat kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi membolehkan tanah terlibat dipohon dan diberi milik kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL). DBKL kemudiannya akan memohon hak milik strata untuk dipindah milik kepada pembeli-pembeli kelak.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : DATO'LILAH BIN YASIN
[JEMPOL]
TARIKH 10 JUN 2010
SOALAN**

Dato' Lilah Bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan

- a) Berapakah bilangan suami dan isteri yang mandul di Malaysia; dan
- b) Apakah perancangan Kementerian bagi mengatasi bencana buruk ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pihak Kementerian Kesihatan tidak mempunyai sebarang registri atau pun data berkaitan bilangan suami dan isteri yang mandul di Malaysia.

Anggaran Kadar Kemandulan bagi pasangan di Malaysia adalah 10% - 15%, hampir sama dengan negara maju seperti USA dan UK melangkaui umur 35 tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan prihatin terhadap masalah pasangan yang menghidapi penyakit infertiliti ini terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Sehubungan itu, perkhidmatan fertiliti telah diberi keutamaan dalam RMK 9 di hospital-hospital berikut;

- i. Hospital Kuala Lumpur
- ii. Hospital Sultanah NurZahirah, Kuala Terengganu
- iii. Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas
- iv. Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
- v. Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh
- vi. Hospital Selayang
- vii Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar

Rawatan infertiliti seperti *Assisted Reproductive Technique* (ART) memerlukan perbelanjaan yang besar. Sebelum tahun 2006, rawatan infertiliti terutama ART hanya terdapat di LPPKN, HUKM dan hospital swasta dan caj yang dikenakan ke atas pesakit adalah sebanyak RM10,000.00 - RM15,000.00 untuk seorang pesakit. Manakala KKM hanya mengenakan caj sebanyak RM4,000.00 - RM5,000.00 sahaja bagi pesakit-pesakit yang mendapatkan rawatan ART di hospital-hospital kerajaan kerana ini tidak termasuk kos ubat-ubatan yang diberikan secara percuma oleh pihak kerajaan.

NO SOALAN :

22 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARI PADA

LISAN
YB TUAN TAN TEE BENG
TEBAL)

(NIBONG

TARIKH
SOALAN:

10.06.2010 (KHAMIS)

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah sebarang cadangan bagi menarik minat lain-lain kaum seperti Cina dan India untuk menyertai tentera dan tidakkah Kementerian boleh mencadangkan agar dapat dipelbagaikan lagi bidang-bidang yang terdapat di dalam tentera supaya dapat menarik minat lebih ramai anak-anak muda yang mempunyai kecenderungan, kebolehan dan kepakaran yang berbeza dari pelbagai kaum dan keturunan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah satu perkhidmatan yang unik dengan tugas dan tanggungjawab yang mencabar dalam menangani keselamatan dan kedaulatan negara. ATM juga adalah satu perkhidmatan sukarela dan terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik.

Kementerian mengakui bahawa penyertaan kaum bukan Melayu di dalam perkhidmatan ATM masih berkurangan, namun terdapat peningkatan sejak kebelakangan ini. Kementerian sentiasa berusaha menarik minat golongan bukan melayu untuk menyertai ATM. Di antara usaha dan langkah

Mesy Kedua DR/10 10.06.10%20-%20YB%20Tr%20Tan%20Tee%20Beng%20-%20Nibong%20Tebal[1]

yang diambil bagi menarik minat lain-lain kaum seperti Cina dan India untuk menyertai ATM adalah:

- a. Mengadakan promosi dan ceramah kerjaya di IPTA/IPTS/Sekolah-sekolah.
- b. Mengadakan '*road show*' bersama-sama Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Awam di dalam karnival kerjaya bagi mempromosikan kerjaya ketenteraan.
- c. Mengadakan '*Joint Promotion*' dengan jabatan awam negeri seperti Badan Kebudayaan Negeri, AADK, Jabatan Pendidikan Negeri.
- d. Mengadakan sesi penerangan secara serampang dua mata semasa LIMA, DSA dan sempena Hari Ulangtahun ATM, Hari Ulangtahun Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara melalui hebahan media cetak dan elektronik.
- e. Promosi dan syarat memasuki perkhidmatan ATM melalui laman web rasmi ATM dan juga melalui Jobs Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh mengenai aspek kepelbagaian bidang di dalam ATM sukcita dimaklumkan bahawa ATM yang mengandungi tiga cabang perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mempunyai pelbagai bidang yang tersendiri iaitu dari logistik, bantuan tempur dan bantuan khidmat yang menyediakan pelbagai profesion pekerjaan. Ini termasuk perkhidmatan yang berlatar belakangkan kemahiran/kepakaran seperti teknologi ICT, kejuruteraan, perubatan dan pengurusan.

Soalan No : 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID (PENGERANG)
TARIKH	10.06.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengenai cadangan dan langkah yang diambil dalam mengatasi masalah kekurangan sekoiah berasrama penuh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 54 buah Sekoiah Berasrama Penuh (SBP) yang sedang beroperasi di seluruh negara. Untuk mengatasi masalah kekurangan SBP, sebanyak sepuluh buah SBP sedang dalam peringkat pembinaan, iaitu sembilan buah sekoiah baru dan satu sekoiah gantian penuh

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]

TARIKH 10 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah ada dasar dan program yang praktikal bagi membendung pengaruh budaya luar yang tidak bersesuaian dengan budaya Timur dan Islam yang berhasil dari proses globalisasi yang begitu deras menerobos perbatasan sosial nasional.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membendung pengaruh budaya luar yang tidak bersesuaian dengan budaya Timur dan Islam, Kementerian telah melaksanakan

kempen seperti Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni (BBNM) dan program-program

berupa sidang keilmuan kepada pelbagai peringkat masyarakat seperti Kuliah Budaya, Bicara eksekutif, bengkel-bengkel budaya dan sebagainya. RTM pula melaksana pelbagai program bimbingan sahsiah dan keagamaan.

Kementerian sentiasa memastikan setiap program yang dilaksanakan merupakan manifestasi yang memberi kesan positif kepada rakyat, dengan kaedah mengangkat falsafah dan nilai-nilai murni budaya dan seni warisan bangsa supaya dapat dihayati dan dihargai oleh rakyat pelbagai kaum.

NO. SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAA LISAN
N DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] 10 JUN 2010
TARIKH

SOALAN

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) mekanisma dan perancangan untuk menaik taraf kepada negara maju dalam tempoh 10 tahun; dan
- (b) adakah unjuran Model Ekonomi Baru (MEB) menaikkan pendapatan per-kapita ke USD15,000 itu realistik dan boleh tercapai.

JAWAPAN:

Perancangan lebih terperinci serta mekanisma pelaksanaan Model Baru Ekonomi akan diterangkan dalam Model baru Ekonomi Bahagian Kedua sedang disediakan dan akan diumumkan oleh kerajaan pada suku tahun ke-tiga ini.

Saya yakin matlamat meningkatkan pendapatan per kapita rakyat kepada sekurang- kurangnya USD15,000 pada tahun 2020 boleh dicapai. Tetapi pencapaian ini memerlukan keazaman dari semua pihak untuk melaksanakan langkah-langkah yang akan diperkenalkan nanti.

SOALAN NO: 26

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]
DARIPADA : 10 JUN 2010 (KHAMIS)
TARIKH : Tuan John A/L Fernandez [Seremban]
SOALAN : minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan adakah pihak Kementerian tidak
bercadang untuk mengambil sebarang tindakan tegas
terhadap operasi penyembelihan ayam seperti yang berlaku
pada rumah No. 143, Kawasan Kuning, Mantin, Negeri
Sembilan kerana ianya dijalankan di kawasan perumahan
dan menjalankan operasi tersebut tanpa
kelulusan dari Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan
Perkhidmatan Veterinar (masalah pencemaran kepada
penduduk sekitar).

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Lesen operasi rumah sembelih ternakan ruminan (lembu dan kambing) dan rumah
sembelih ternakan babi dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)
setelah diluluskan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Manakala lesen
tred dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan Undang-undang
Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian. JPV tidak pernah menerima
sebarang permohonan ataupun meluluskan lesen menjalankan operasi penyembelihan
ayam di rumah No.143, Kawasan Kuning, Mantin, Negeri Sembilan. Dalam kes ini,
pihak JPV telah merujuk kepada PBT yang berkaitan dan mendapati tiada lesen premis
bagi operasi rumah sembelih telah dikeluarkan kepada pengusaha di premis tersebut.
Tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh PBT

berkaitan mengikut Undang-undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian. Pihak JPV tidak bercadang untuk mengeluarkan apa-apa lesen berkaitan dengan penyembelihan ayam di kawasan perumahan tersebut.

Soalan No : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)
TARIKH	10.06.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta Menteri Pelajaran menyatakan :

- (a) sejauh manakah pengambilan dalam Kursus Perguruan Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (KPLSPM) dan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) dapat mengatasi kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang menambah kakitangan kerani untuk membantu guru-guru dalam kerja-kerja pentadbiran harian supaya guru-guru dapat memberi fokus dalam pengajaran dan juga masalah disiplin pelajar yang semakin membimbangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Kursus Perguruan Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (KPLSPM) dan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) ialah bagi sekolah rendah sahaja iaitu selaras dengan memorandum bersama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia berhubung latihan guru.

Selain dari KPLSPM dan KPLI, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mempromosikan kerjaya perguruan melalui aktiviti pameran, Hari Bertemu Pelanggan dan kempen bagi menarik calon untuk menjadi guru. KPM juga berusaha meletakkan maklumat terkini tentang bidang perguruan dalam laman web KPM bagi menerangkan program-program yang dilaksanakan di semua Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara. Di antaranya ialah Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM).

- (b) Pada tahun 2009, Kerajaan telah meluluskan sejumlah 6,898 jawatan yang terdiri daripada Pembantu Tadbir (Gred N26,N22,N17), Pembantu Tadbir Rendah (Gred N14,N11) dan Pembantu Am Pejabat (Gred N4,N1) bagi semua sekoiah rendah dan sekoiah menengah harian di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). KPM juga sentiasa mengambil inisiatif dan peka terhadap keperluan penambahbaikan perjawatan Anggota Khidmat Sokongan (AKS) bagi membantu guru-guru dalam tugas-tugas pentadbiran yang bertujuan untuk memberi ruang kepada guru-guru agar lebih fokus kepada pengajaran dan pembelajaran (P&P) di samping memantau perkembangan dan pembentukan sahsiah cemerlang pelajar. Justeru itu, KPM sedang meneliti secara menyeluruh untuk menjalankan kajian dalam mewujudkan jawatan-jawatan bukan guru di sekolah-sekolah dengan mengambil kira perakuan-perakuan hasil dari Jawatankuasa Khas Menangani Masalah Beban Tugas Guru yang sedang dilaksanakan oleh KPM.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN AZAN BIN ISMAIL
	(INDERA MAHKOTA)
TARIKH	10.06.2010(KHAMIS)
NO SOALAN	28

TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan kaedah serta rancangan Kerajaan untuk mengurangkan beban subsidi yang ditanggung ke atas barang keperluan dan apakah persediaan yang telah dibuat untuk tujuan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Barang kawalan bersubsidi di bawah KPDKN adalah gula, tepung gandum, minyak masak, petrol, diesel dan gas LPG. Subsidi barang keperluan hanya bermula pada tahun 2008 bagi tepung gandum dan 2009 bagi gula akibat kenaikan harga bahan mentah dunia. Tujuan utama subsidi diperkenalkan adalah bagi mengekalkan harga barang di samping memastikan bekalan

barang keperluan sentiasa mencukupi di pasaran. Ini selaras dengan misi Kerajaan bahawa rakyat didahulukan.

Kementerian sentiasa memantau harga pasaran bahan mentah dunia dalam membuat perancangan penstrukturran semula subsidi barang keperluan negara. Antara persediaan dibuat adalah mengadakan perbincangan dengan Kementerian berkaitan bagi tujuan pertimbangan pembukaan AP import kepada lebih banyak syarikat. Melalui pembukaan AP import, akan menambah bekalan dan dapat distabilkan melalui kuasa pasaran. Dengan itu, Kerajaan dapat mengeluarkan barang keperluan tersebut daripada kawalan harga sekaligus menarik subsidi terhadap produk tersebut.

Kerajaan juga telah mewujudkan Makmal Rasionalisasi Subsidi bagi mengkaji mengenai penarikan semula subsidi dan dalam masa yang sama subsidi tersebut tetap dinikmati oleh golongan yang layak. Hasil kajian tersebut telah dibentangkan kepada umum pada 27 Mei 2010 yang lalu bagi mendapatkan pandangan rakyat secara menyeluruh sebelum ianya dilaksanakan oleh Kerajaan. Pelaksanaan penstrukturran subsidi dilakukan secara berperingkat-peringkat supaya tidak membebankan rakyat dan untuk jangka panjang Kerajaan tidak lagi memperuntukan subsidi kepada barang tersebut.

SOALAN NO.

29 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUKHALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

(BN) (TENGGARA)

TARIKH 10 JUN2010 (KHAMIS)

SOALAN

YB Datuk Halimah Binti Mohd Sadique (BN) (Tenggara) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan pekerja sosial yang berdaftar dan diiktiraf sebagai berkemahiran, berpengetahuan dan berkebolehan menangani pelbagai gejala sosial dan nyatakan kemajuan cadangan Kerajaan mewujudkan Piawaian Kompetensi Kerja Sosial Kebangsaan termasuk melahirkan lebih ramai pekerja sosial oleh Institut Sosial Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Amalan kerja sosial di Malaysia boleh dilakukan oleh pekerja sosial atau sesiapa sahaja memandangkan tiada satu perundangan bagi mengawal pendaftaran dan pelesenan pekerja sosial. Sehubungan itu, sukar untuk mendapat maklumat mengenai jumlah pekerja sosial berdaftar di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pekerja sosial yang sedia ada adalah terdiri daripada mereka yang bertugas sebagai Pegawai Kebajikan Masyarakat, Pegawai Akhlak, Pelindung Kanak-kanak, Pegawai Penjara, Pegawai Pemulihan Dadah, Pekerja Sosial Perubatan, Perunding, Pendidik dan

Penyelidik Kerja Sosial dan mereka yang memberi perkhidmatan kebajikan di sektor bukan kerajaan.

Bagi memastikan pekerja sosial di Malaysia mempunyai kompetensi yang tinggi bagi menangani gejala sosial yang semakin kompleks, Kementerian bercadang untuk menggubal Akta Pekerja Sosial. Melalui Akta yang dicadangkan ini, bilangan pekerja sosial akan dapat ditentukan kerana mereka perlu berdaftar dan mendapat perakuan lesen sebelum dapat memberikan perkhidmatan dalam bidang kerja sosial.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kementerian dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa memastikan pengambilan pekerja sosial dalam sektor awam adalah terdiri dari kalangan mereka yang mempunyai kelayakan dalam bidang kerja sosial.

Di samping itu, sebagai langkah meningkatkan profesionalisme kerja sosial di Malaysia, Kementerian melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) dan dengan kerjasama Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta sedang merancang kursus dan program kerja sosial di peringkat sijil, diploma dan ijazah serta menyeragamkan kurikulum pendidikan kerja sosial di institusi yang menawarkan kursus tersebut.

NO. AUM : 15

NO. AUP : 2PD

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA
DARIPADA	N
	PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]
TARIKH	10 JUN 2010
RUJUKAN	2692

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan oleh Kerajaan tehadap anggota polis yang telah menembak dan memukul Puan Norizan Salleh tanpa sebab pada 30 Oktober 2009 dan apakah pampasan kepada Puan Norizan Salleh di atas kecederaan dan kepayahan yang dialami beliau akibat tembakan dan pukulan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, siasatan ke atas kes tersebut telah dibuat di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada pihak Timbalan Pendakwaraya Kuala Lumpur. Setelah meneliti keterangan kes, Ketua Unit Pendakwaan mendapati pihak polis mempunyai justifikasi untuk melepaskan tembakan dan memutuskan tiada pertuduhan terhadap mana-mana anggota polis. Sehubungan dengan itu, isu pampasan kepada Puan Norizan Salleh tidak timbul dalam kes ini.

SOALAN NO.: 31

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA: DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN

TARIKH : 10 JUN 2010
[TANJUNG MANIS]

SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjung Manis] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI AS AS TANI menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan projek pembaikan benteng dan ban di Paloh, Tekajong, Muara Payang, Sebako, Telok Gelam di kawasan Parlimen Tanjung Manis yang telah sekian lama roboh dan selalu mengakibatkan banjir serta kerosakan tanam-tanaman kampung tersebut.

JAWAPAN:

Kementerian telah melaksanakan beberapa kerja-kerja membaikpulih (*rehabilitation works*) di kawasan Tekajong dengan menggunakan peruntukan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM). Kerja-kerja yang telah dilaksanakan ialah seperti pembinaan ban baru, kerja-kerja menyahlodak (desilting works) parit perimeter yang sedia ada, kerja-kerja meninggikan paras ban sedia ada (topping up bund), kerja-kerja pembersihan (cleaning works) di laluan keluar air dan kerja-kerja pembaikan ke atas Struktur kawalan air pasang surut (tidal control gate) yang sedia ada. Bagi kawasan Paloh pula, permohonan bagi membaikpulih benteng di Kampung Paloh telah dikemukakan dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan sedang dipertimbangkan oleh EPU. Selain itu, dalam permohonan peruntukan projek RMK10, Kementerian telah mengambil kira keperluan infrastruktur bagi program pembangunan kawalan banjir keseluruhannya untuk kawasan pertanian. Sebanyak RM 100 juta telah dipohon bagi melaksanakan projek-projek ini di pelbagai negeri. Untuk kawasan Telok Gelam, Kerajaan akan mengambil perhatian terhadap permohonan ini dan akan membuat siasatan lanjut mengenai permasalahan di kawasan ini bagi

mengenalpasti bentuk tindakan penyelesaian yang perlu diambil.

Bagi kawasan Muara Payang pula, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melaksanakan kerja-kerja membina satu (1) unit Struktur kawalan air pasang surut (*Tidal control gate*) dan meninggikan paras ban sedia ada (topping up bund).

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]
TARIKH	10 JUN 2010

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan a) berapa jenis pengangkutan rel yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri dan berapa projek telah diluluskan; dan
b) apakah asas pertimbangan permohonan-permohonan tersebut dan adakah kajian daya maju juga diambil kira.

JAWAPAN : **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

(a) Setakat ini sebanyak 3 cadangan projek untuk Kerajaan Negeri Melaka telah diterima oleh Jabatan Keretapi iaitu Aerorel Melaka, Sistem Monorel Melaka dan Sistem Trem Melaka. Aerorel Melaka telah mendapat kelulusan muktamad daripada YB Menteri Pengangkutan dan Sistem Monorel Melaka kini telah mendapat kelulusan skim bersyarat dan sedang dalam peringkat pelaksanaan pameran awam untuk mendapat maklumbalas orang ramai. Sistem Trem Melaka kini masih dalam peringkat kajian dan penelitian oleh Jabatan Keretapi untuk penyediaan ulasan kepada pihak Kementerian

Pengangkutan.

(b) Asas pertimbangan adalah antara lainnya, meliputi faktor keselamatan dan keselesaan penumpang yang akan menggunakan perkhidmatan berkenaan. Selain itu, ramalan takupan penumpang juga diambil kira dalam memastikan projek berkenaan berdaya maju di samping faktor penjimatan kos projek.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 33

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN
DARIPADA

LISAN

Y.B. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED J A AFAR
ALBAR

TARIKH
SOALAN

10 JUN 2010 (KHAMIS)

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
samada Kerajaan berhasrat untuk membebaskan pengimportan produk
haiwan supaya tidak terikat dengan Negara tertentu yang sedia ada,
sejajar dengan dasar ekonomi terbuka yang akan mendatangkan manfaat
kepada pengguna.

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pengimportan produk haiwan adalah terbuka dengan mana-mana negara kecuali negara Israel. Pengimportan produk haiwan perlu mematuhi syarat-syarat keperluan Sanitari dan Fitosanitari (SPS) iaitu bertujuan mencegah penularan sebarang wabak penyakit ke negara ini disamping mematuhi syarat-syarat halal dan keperluan import negara. Ini adalah bagi memastikan bekalan produk haiwan yang diimport adalah berkualiti dan selamat.

JAWAPAN

Negara-negara pengeksport utama produk haiwan ke Malaysia adalah Australia,

China, Indonesia, New Zealand, Amerika Syarikat dan India.

SOALAN NO: 34
PERTANYAAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA: Y.B. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid

TARIKH: 10JUN2010

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah cadangan supaya pekerja dalam tempoh percubaan (*probation*) tidak layak ke Mahkamah Industri dan kebaikan terhadap pekerja.

PR-1232-L37371

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pindaan ke atas sesuatu Akta merupakan suatu proses yang berterusan yang dilakukan bersesuaian dengan keadaan semasa supaya ianya terus relevan. Menerusi perbincangan dengan rakan-rakan sosial (*social partners*) iaitu persatuan majikan dan persatuan pekerja Kementerian telah memperolehi input dan pandangan yang mencadangkan supaya pekerja yang dalam tempoh percubaan (*probationer*) dikeluarkan dari definisi pekerja yang layak untuk memfailkan kes di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Berdasarkan kepada pandangan pandangan yang diberi menerusi beberapa siri mesyuarat lain, Kementerian Sumber Manusia masih lagi belum memuktamadkan mana-mana cadangan yang telah dikemukakan termasuklah cadangan berhubung *probationer* tersebut.

SOALAN NO : 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA :	DATUK BILLY ABIT JOO
	[HULU RAJANG]
TARIKH	10 JUN 2010
SOALAN	

DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang membina klinik desa di kawasan Penan Long Urun dan di Murum. Berapakah jumlah klinik desa dibina di kawasan Hulu Rajang dalam tiga puluh tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan Kawasan Murum akan dibangunkan menjadi sebuah penempatan setelah Empangan Murum siap sepenuhnya nanti, pihak Kementerian bercadang untuk mendirikan sebuah Klinik Kesihatan Jenis 5SS di kawasan penempatan tersebut. Pembinaannya akan dimasukkan dalam pelan pembangunan tersebut.

Semenjak dari tempoh merdeka, Kementerian khususnya sentiasa cuba mempertingkatkan penyediaan fasiliti kesihatan di dalam usaha untuk memberikan penyampaian kesihatan yang cekap dan berkualiti kepada seluruh rakyat.

Sehubungan dengan itu, Kementerian telah membina fasiliti-fasiliti kesihatan di bawah Parlimen P216 Hulu Rajang seperti berikut:-

- | | |
|-------|------------------|
| ii. | KK Nanga Mujong |
| iii. | KK Nanga Bena |
| iv. | KK Nanga Melinau |
| v. | KK Nanga Gaat |
| vi. | KK Tunoh Scheme |
| vii. | KK Sekeroh |
| viii. | KK Nanga Entawau |
| ix. | KK Belaga |
| x. | KK Punan Bah |
| xi. | KK Sg Assap |
| xii. | KK Sg Koyan |
| xiii. | KK Uma Sambop |
| xiv. | KK Lusong Laku |

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN
KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISA
N

DARIPADA Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago
[Klang]

TARIKH 10 Jun 2010

SOALAN 36

Minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan kenyataan mantan Perdana Menteri Dr Mahathir yang mengatakan "Ada 'sejumlah kecil' sisa nuklear ditanam di Perak dan lokasi pembuangan masih dianggap tidak selamat." Adakah sisa nuklear (*Asian Rare Earth*) telah bocor dan mengalir ke sungai berhampiran.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

MOSTI mengambil maklum akan kenyataan mantan Perdana Menteri dalam akhbar The Star pada 15 Mei 2010 tentang

pelupusan sisa

nuklear yang tidak selamat di Perak. Dengan yang demikian, MOSTI melalui Lembaga Pelesenan Tenaga Atom atau LPTA bertanggungjawab mengawal dan mengawal selia kerja-kerja pembubaran dan pelupusan yang dilakukan oleh Syarikat Asian Rare Earth (ARE) bagi memastikan ianya selamat dan mengikuti spesifikasi dan peraturan yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ARE ialah sebuah syarikat dari Jepun yang telah beroperasi bermula April 1982 dan terlibat secara langsung dalam memproses bahan mineral seperti *Monozite* dan *Xenotime* iaitu produk yang terhasil daripada proses pembersihan amang dan menghasilkan sisa toria sebagai bahan sampingan. Pada waktu itu, aktiviti ARE adalah di bawah kawalan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Akta Benda-Benda Radioaktif 1968.

Pada 1 Februari 1985, LPTA telah ditubuhkan dan mengambil alih tugas KKM bagi mengawal aktiviti ARE melalui Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). LPTA telah mengarahkan ARE untuk menyimpan sisa toria di tapak penyimpanan sementara yang telah diluluskan di tapak kilang beralamat Batu 4 Vz , Batu Lahat, Perak. Pada Jun 2003, LPTA telah meluluskan tapak penstoran tetap iaitu Kemudahan Penstoran Jangka Panjang (*Long Term Storage Facility, LTSF*) di Bukit Kledang, Ipoh. Pada Ogos 2005, semua sisa toria berkenaan telah selesai dipindahkan ke tapak penstoran tetap tersebut dengan pembiayaan sepenuhnya oleh ARE. Kerajaan

Negeri bersama LPTA sentiasa membuat pemantauan ke atas kawasan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, sisa toria yang sedang dilupuskan di Ipoh, Perak bukanlah sisa bahan radioaktif atau sisa nuklear, sebaliknya ia adalah sisa yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi dan diklasifikasikan sebagai *Low Level Waste*.

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan Kemudahan Penstoran Jangka Panjang selamat dan berkesan adalah seperti berikut:

1. meluluskan pelan ‘Rekabentuk dan Pembinaan Kemudahan Pengurusan Sisa Radioaktif di mana sisa toria dan bahan-bahan tercemar di dalam LTSF akan dilupuskan mengikut piawaian Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) iaitu melalui kaedah *Near Surface Disposal*, lanya telah dilaksanakan di dalam 2 fasa;
2. membentuk suatu jawatankuasa khas yang bertanggungjawab untuk menilai dan memberi pandangan serta nasihat dari aspek teknikal terhadap prosedur dan rekabentuk yang akan digunakan dan dilaksanakan dalam projek ini iaitu Jawatankuasa Teknikal Penilaian Rekabentuk D & D ARE. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh LPTA dan dianggotai

oleh Agensi Nuklear Malaysia (ANM), Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG); dan

3. melakukan pemantauan secara berkala ke atas tapak kilang ARE dan juga tapak repositori (LTSF) serta memantau data-data pemonitoran yang dilakukan oleh Syarikat ARE. Ianya meliputi penilaian keselamatan, persampelan radiologi dan alam sekitar dan pemantauan berkala setiap 2 minggu di tapak repositori yang menempatkan sisa toria dan bahan-bahan tercemar milik Syarikat ARE.

Sehubungan dengan itu, Kementerian juga ingin menjelaskan bahawa berdasarkan kepada pemantauan yang telah dibuat sehingga kini tiada kebocoran sisa nuklear ke sungai berhampiran yang dikesan.

Soalan No :

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN (ALOR GAJAH)
TARIKH	10.06.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan perancangan dan cadangan untuk mengatasi masalah kekurangan guru dari segi pengambilan latihan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina [SJK(C)] terutamanya bagi mata pelajaran Cina yang kekurangan dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di ~~Pertua~~, **EMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Selaras dengan Dasar Pensiswazahan Guru di Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), hanya graduan yang memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia sahaja yang akan ditimbang untuk mengikuti kursus perguruan.

KPM sentiasa memastikan keperluan bekalan guru terlatih dapat dipenuhi dan dijangka mencukupi berdasarkan kapasiti latihan perguruan kendalian IPG bagi sekolah rendah dan IPTA bagi sekolah menengah. Dalam penyediaan unjuran keperluan guru, keperluan pelbagai jenis aliran sekolah termasuklah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina telah diambil kira. Bekalan guru untuk keperluan SJKC disediakan melalui pelbagai program latihan seperti KPLI, ISMP dan GSTT-KDC.
Rjm 18

NO.SOALAN:

38 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]

TARIKH 10 JUN 2010

SOALAN

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan sedia menimbang untuk mengamalkan prinsip "Environmental Sustainable Transport" dalam membentuk masa depan sistem pengangkutan awam di Malaysia. **JAWAPAN : YB. DATO* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA

MENTERI Tuan Yang Dipertua,

Salah satu daripada fungsi SPAD adalah untuk menggalakkan, memudahkan, meningkatkan dan melaksanakan penggunaan teknologi baru bagi penambahbaikan prestasi dari segi alam sekitar atau pematuhan alam sekitar bagi pengangkutan awam darat dan mengawalselia penggunaan teknologi baru itu.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG]

TARIKH 10 JUN 2010

RUJUKAN 2694

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa jawapan-jawapan bertarikh 10.12.09 dan 30.3.2010 yang diberikan oleh soalan berikut “Bilakah laporan polis yang telah dibuat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2Ghb Februari 2009 di Balai polis Damansara yang menuduh Tan Sri Gani Patail, Tan Sri Musa Hassan dan ACP Koh Hong San adalah terlibat dalam pembuatan satu laporan polis palsu berkaitan dengan tangkapan Datuk Seri Anwar oleh ACP Koh pada pukul 9 malam 20hb September 1998 dikembalikan kepada pihak polis oleh SPRM untuk tindakan dan apakah status siasatan” bercanggah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

\

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sewaktu soalan ini dijawab pada 10.12.2009, status laporan bertarikh 20 September 2009 yang dibuat oleh YB Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah masih dalam siasatan pihak polis, Walau bagaimanapun, setelah pihak polis meneliti dan mengkaji kandungan laporan tersebut, di dapati bahawa laporan polis yang dibuat oleh YB Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah adalah merujuk kepada kes-kes mahkamah yang telah pun selesai perbicaraan sehingga ke peringkat Mahkamah Rayuan. Sehubungan dengan itu, aduan yang dibuat tersebut tidak lagi relevan dan tidak perlu disiasat.

NO. SOALAN 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARI PADA Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] 10 JUN
TARIKH 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi RMKe-1 hingga RMKe-9 untuk membasmi kemiskinan dan meningkat tahap ekonomi Bumiputera serta sebab-sebab mengapa dengan perbelanjaan besar masih terdapat 80% golongan berpendapatan rendah dan miskin adalah Bumiputera seperti yang dilaporkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 15 Mei 2010.

JAWAPAN:

Banyak peruntukan telah disalurkan bagi pelaksanaan program pembasmian kemiskinan dan program untuk meningkatkan tahap ekonomi Bumiputera sejak pelancaran Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kesembilan. Pada peringkat awal pelaksanaan program pembangunan sosio-ekonomi negara, peruntukan bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan ekonomi Bumiputera disalurkan melalui pelbagai program pembangunan luar bandar serta sektor pertanian di luar bandar memandangkan sebahagian besar rakyat tinggal di luar bandar terutamanya Bumiputera dan bekerja di sektor pertanian. Kadar kemiskinan pada awal kemerdekaan ialah 60 peratus bagi luar bandar dan 21 peratus di bandar. Walau bagaimanapun, pada awal tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), program pembasmian kemiskinan diperkemaskan dengan pendekatan strategi khusus bagi menangani kemiskinan dengan menetapkan sasaran khusus untuk dicapai bagi setiap tempoh Rancangan. Antara pembangunan ekonomi Bumiputera yang dilaksanakan meliputi program keusahawanan melalui penyediaan bantuan modal, latihan

keusahawan, premis perniagaan; program-program pembangunan modal insan dan latihan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu serta program

NO. SOALAN 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

bantuan rumah, program pendidikan dan latihan meliputi bahan-bahan persekoianan bagi anak-anak di luar bandar.

Hasil daripada pelaksanaan program ini dapat dilihat melalui penurunan kadar kemiskinan keseluruhan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 3.8 peratus pada tahun 2008. Hak milik ekuiti Bumiputera meningkat daripada 2.4 peratus pada tahun 1970 kepada 21.9 peratus pada tahun 2008.

Kerajaan sedar hampir 80 peratus daripada golongan luar bandar berpendapatan 40 peratus terendah adalah terdiri daripada Bumiputera. Banyak faktor yang menyebabkan Bumiputera masih merupakan sebahagian besar daripada kalangan isi rumah 40 peratus terendah. Ini antara lainnya disebabkan oleh kekurangan dari segi kapasiti dan keupayaan untuk merebut peluang ekonomi, tidak mempunyai sumber modal, mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah, tinggal di luar bandar/ kawasan pedalaman dan terlibat dalam aktiviti yang berproduktiviti rendah. Bagi mengorak langkah ke hadapan, Kerajaan akan mengambil langkah bagi meningkatkan keupayaan golongan ini agar mereka berupaya dan mampu untuk sama-sama mengambil peluang daripada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA :DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]

TARIKH : 10 JUN 2010

SOALAN :

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan

- a. usaha-usaha yang diambil untuk mengimbangi pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar untuk memastikan kelestarian dapat dicapai;

dan

- b. apakah ketetapan dasar semasa berhubung dengan pembangunan di kawasan tadahan hujan contoh seperti cadangan pembinaan lebuhraya yang melintasi kawasan Klang Gate yang dilihat akan memberi impak negatif yang tinggi kepada ekosistem.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menggubal pelbagai dasar, perundangan termasuk peraturan-peraturannya dan program bagi mengimbangi pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar untuk memastikan kelestarian dapat dicapai.

Antara dasar-dasar ialah Dasar Alam Sekitar Negara, Dasar Perhutanan Negara, Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, Dasar Mineral Negara dan Dasar Perubahan Iklim Negara, di samping beberapa perundangan seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling, Akta Perhutanan Negara dan Akta Perlindungan Hidupan Liar. Dasar-dasar, perundangan dan garis panduan sedia ada ini memberi panduan kepada semua pihak termasuk agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, sektor industri dan masyarakat bagi memastikan sumber asli negara digunakan secara lestari, di samping memelihara alam sekitar kita. Di samping itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan jabatan-jabatannya juga melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Pelbagai program dan aktiviti kesedaran diadakan mengikut kumpulan sasaran yang terdiri daripada pemimpin masyarakat, kanak-kanak dan pelajar sekolah, pelajar institut pengajian tinggi (IPT), industri dan orang awam. Aktiviti-aktiviti kesedaran ini akan terus diadakan di peringkat sekolah, IPT dan juga di kalangan masyarakat. Sektor perindustrian dan pertanian juga digalakkan mengamalkan teknologi dan pengeluaran

bersih yang mesra alam.

Selain itu, pihak Kementerian juga telah melancarkan Program Rakan Alam Sekitar pada bulan Jun 2009. Tujuan program ini adalah untuk mengawal dan mencegah masalah alam sekitar, di samping mempertingkatkan lagi binaupaya penduduk setempat supaya lebih prihatin terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sememangnya tidak menggalakkan sebarang cadangan pembangunan yang melibatkan kawasan tадahan air (hutan) sejajar dengan peruntukan Dasar Perhutanan Negara 1978 dan Akta Perhutanan Negara 1984. Hutan Tадahan Air adalah kawasan hutan perlindungan yang dikhaskan untuk berkalan air yang bersih secara berterusan untuk kegunaan domestik, industri, pertanian dan riadah orang awam. Sebarang pembangunan dalam kawasan tадahan air akan menjaskan fungsi pentingnya, di samping memberi kesan negatif kepada pemeliharaan biodiversiti fauna dan flora.

Berhubung cadangan lebuhraya yang melintasi kawasan Klang Gate, adalah dimaklumkan bahawa kajian EIA sedang dijalankan oleh pemaju projek. Kajian El A ini akan disemak dan dinilai oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk menentupasti kesan-kesan ke atas alam sekitar pada tahap minima.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 47

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]

TARIKH 10 JUN 2010

RUJUKAN 2695

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah kadar jenayah di Sarawak, khususnya di Kuching, Sibu, Sarakei, Bintangor, Bintulu, Miri dan Limbang dalam tahun 2008, 2009 dan 2010. Apakah pecahan terperinci klasifikasi jenayah di kawasan-kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah jenayah indeks di seluruh negeri Sarawak bagi pada 2008 adalah sebanyak 12,929 kes, 12,556 kes pada tahun 2009 dan 4,363 pada tahun 2010 (sehingga April). Bagi Bahagian Kuching, jumlah jenayah indeks pada tahun 2008 adalah sebanyak 5,926 kes, 5,686 kes pada tahun 2009 dan 2,132 kes pada tahun 2010 (sehingga April). Manakala bagi Bahagian Sibu, jumlah jenayah indeks pada tahun 2008 adalah sebanyak 1,556 kes, 388 kes pada tahun 2009 dan 414 kes pada tahun 2010 (sehingga April).

Tuan Yang Dipertua,

Bagi Bahagian Sarakei pula, jumlah jenayah indeks pada tahun 2008 adalah sebanyak 376 kes, 450 kes pada tahun 2009 dan 78 kes pada tahun 2010 (sehingga April). Manakala bagi Bahagian Bintangor, jumlah jenayah indeks pada tahun 2008 adalah sebanyak 101 kes, 84 kes pada tahun 2009 dan 6 kes pada tahun 2010

Tuan Yang Dipertua,
(sehingga April).

Bagi Bahagian Bintulu, jumlah jenayah indeks pada tahun 2008 adalah sebanyak 1,025 kes, 998 kes pada tahun 2009 dan 285 kes pada tahun 2010 (sehingga April). Manakala bagi Bahagian Miri jumlah jenayah indeks pada tahun 2008 adalah 2,021 kes, 2,144 kes pada tahun 2009 dan 642 kes pada tahun 2010 (sehingga April). Bagi Bahagian Limbang pula, jumlah jenayah indeks pada tahun 2008 adalah sebanyak 93 kes , 91 kes pada 2009 dan 23 kes pada 2010 (sehingga April).

SO/LAN NO-43**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN:** USAN**DARIPADA.*** Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN
(SETIU) **SH./FEE:****TARIKH** 10 JUN 2010 (KHAMIS)**SOALAN:**

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU) minta MI'NTEIU KERJA RAYA menyatakan mengapa runtuhan bumbung di Stadium Sultan Mizan, Gong Badak, Kuala Terengganu telah 1 erpatasa dibiarkan dalam tempoh yang lama dan mengapa berlaku kelsmahan dalam tindakan bagi memastikan kemudahan itu tidak mendatangkan kerugian terutama untuk latihan iitlit-atliit Terengganu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Membina Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu merupakan projek Kerajaan Negeri Terengganu yang dilaksanakan di bawah peruntukan Akaun Amanah Dana Khas Negeri Terengganu. Projek bernilai RM292.9 juta ini telah dirasmikan oleh Yang Di- Pertuan Agong sempena Sukan Malaysia (SUKMA) ke-12 pada 10 Mei 2008. Walau bagaimanapun, pada 2 Jun 2009 sebahci jian dari bumbung utama stadium berkenaan telah runtuh sehingga mengakibatkan berlaku kerosakan pada kerangka dan tumbling, tempat duduk penonton dan kawasan berhampiran stadium.

Berikutan itu, Kementerian Kerja Raya telah merubuhkan Jawatankuasa Khas untuk mengenal pasti punca berlaku keruntuhan. Laporan Awal telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Terengganu pada 15 Julai 2009 manakala Laporan Akhir pula telah diserahkan pada bulan Januari 2010. Kementerian Kerja Raya mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri Terengganu telah mengarahkan kontraktor asal, iaitu Konsortium Bina Struktur - Emarcon - Genggam Mercu JV untuk melaksanakan kejia-kerja pembersihan sisa keruntuhan bumbung stadium berkemban. Ini kerana projek berkenaan masih di dalam Tempoh Menuerbaiki Kecacatan, iaitu sehingga 31 Mac 2010. Oleh itu, adalah nenjadi

tanggungjawab kontraktor berkenaan untuk memperbaiki kerosakan tersebut sebagaimana termaktub dalam kontrak.

Walau bagaimanapun, kontraktor Konsortium Bina : Struktur - Emarcon - Genggam Mercu JV enggan untuk melaksanal an kerja-kerja pembersihan sisa runtuhan itu walaupun beberapa pa surat peringatan telah dikeluarkan kepada mereka. Sehubungan itu, Kerajaan terpaksa merampas bon jaminan pelaksaman dari kontraktor berkenaan dan seterusnya menawarkan tender fcaru pada 22 Mac 2010. Tender untuk membersihkan sisa runtuhan Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu telah ditutup pada 19 April 2010. Pada masa kini JKR sedang dalam proses untuk merilis petender yang berjaya dan dijangkakan kerja-kerja pemberisihan sisa runtuhan akan dimulakan pada bulan Julai atau selewat awalnya Ogos 2010. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status d'nn tahap keselamatan keseluruhan struktur bangunan stadium tarkenaan akan dinilai semula oleh juru perunding struktur yang akan dilantik oleh Kerajaan dalam tempoh masa terdekat.

NO.AUM : 48

NO. AUP : Y-V*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [KOTA BELUD]
TARIKH	10 JUN 2010
RUJUKAN	2696

SOALAN:

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk meletakkan kamera di dalam kereta peronda yang boleh merakamkan pergerakan poll's dan tindakan mereka bagi mengelakkan spekulasi orang awam.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Belud kerana mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian sentiasa proaktif dan sememangnya telah mengkaji keperluan untuk meletakkan kamera di dalam kereta peronda PDRM dengan memberi keutamaan kepada kereta peronda di kawasan hotspot. Dalam hal ini, Kementerian bercadang untuk menggunakan peralatan perakam video digital dan sedang dalam proses penyediaan spesifikasi.

Tuan Yang Di Pertua,

Penggunaan peralatan perakam video digital berkenaan adalah untuk menjadikan penugasan kereta peronda lebih telus dan profesional serta rakaman boleh dijadikan sebagai maklumat sekunder bagi pembuktian di Mahkamah.

Soalan No; 45

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN ZULKIFLI BIN
 NOORDIN (KULIM BANDAR
 BARU)
PERTANYAAN LISAN

TARIKH 10.06.2010

SOALAN NO 45

Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baru) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) berapakah perbelanjaan pengimportan buku-buku bagi tahun 2005- 2010, sila berikan pecahan mengikut tahun dan negara import; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang membenarkan buku-buku luar dan diimport dicetak dalam negara dan adakah Kerajaan bercadang menaikkan rebat pembelian buku dari RM1,000 ke RM2,000 atau lebih.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengimportan buku bagi tahun 2005 adalah sebanyak RM479 juta. Pengimportan buku telah meningkat kepada RM583 juta dalam tahun 2006 tetapi merosot dalam tahun 2007 kepada RM534 juta. Bagi tahun 2008, pengimportan buku meningkat semula kepada RM564 juta dan kembali merosot kepada RM556 juta bagi tahun 2009. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2010, pengimportan buku adalah

berjumlah RM119

juta. Pengimportan buku-buku tersebut adalah dibawah kod tarif HS 4820, 4901 dan 4903 meliputi buku bercetak, buku resit dan brosur.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Mengenai sama ada Kerajaan bercadang membenarkan buku-buku yang diterbitkan di luar negara dicetak dalam negara, garis panduan yang khusus telah disediakan menurut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 untuk membolehkan buku-buku luar untuk dicetak dalam negara. Kelulusan di bawah Akta tersebut berada di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

4. Mengenai rebat pembelian buku, Kerajaan pada masa ini memberi pelepasan cukai sehingga RM1,000 bagi pembelian bahan bacaan termasuklah buku, novel dan majalah oleh pembayar cukai individu bagi sesuatu tahun. Pelepasan cukai tersebut telah ditambah dari RM700 kepada RM1,000 pada tahun taksiran 2007.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan pelbagai pelepasan dan rebat cukai bagi pembayar cukai individu seperti pelepasan untuk anak, pembelian komputer, perbelanjaan perubatan pembayar cukai dan ibu bapanya serta perbelanjaan pendidikan pembayar cukai dan anak-anaknya. Dengan pelepasan ini, tanggungan membayar cukai semakin mengecil dan seterusnya pendapatan boleh guna bertambah. Ini akan membantu pembayar cukai untuk meningkatkan kualiti hidup diri dan keluarganya. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan pelepasan cukai bagi pembelian buku memandangkan ia akan menjaskan kutipan cukai dan hasil negara.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING

TARIKH : 10 JUN 2010

SOALAN NO: 47

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang diambil ke atas laporan SPRM terhadap bekas Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohd Khir Toyo termasuk pembinaan mahligai kediaman beliau di Shah Alam dan apa kedudukan terkini siasatan walaupun laporan telah dibuat lebih satu tahun.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Y.B. Taiping, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas bekas Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohd Khir Toyo tersebut masih lagi dijalankan. Pihak SPRM perlu menjalankan siasatan secara teliti, terperinci dan menyeluruh dalam sesuatu penyiasatan kes rasuah bagi mendapatkan bukti-bukti dan keterangan yang mencukupi walaupun ia mungkin mengambil masa yang lama untuk dilengkapkan. Kertas Siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya setelah siasatan selesai.

Pihak SPRM berharap Y.B.Taiping akan bersabar dan menunggu hasil siasatan yang dijalankan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 48

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
YB DATUK HAJI YUSOFF BIN
HAJI MAHAL [LABUAN]**

TARIKH

KHAMIS, 10JUN 2010

**RUJUKAN
SOALAN**

01 [PR-1232 -L37832]

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan adakah cadangan projek pembinaan jambatan menghubungkan Labuan akan dapat direalisasikan berikutnya kajian terperinci oleh Universiti Malaysia Sabah menyokong kepada cadangan projek berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) telah meneliti laporan Kajian Kemungkinan Pembinaan Jambatan Dari Labuan ke Mempakul /Menumbok, Sabah bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Agensi-agensi Kerajaan. Keputusan sama ada Kerajaan Persekutuan akan merealisasikan ataupun tidak projek jambatan tersebut akan dibuat mengikut keutamaan dan kepentingan projek yang dapat memberi pulangan (*outcome*) terbaik kepada rakyat, selaras dengan keperluan, kedudukan kewangan dan keutamaan semasa Kerajaan.

SOALAN NO. 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARI PADA : YB TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN (BN)

(HULU TERENGGANU)

TARIKH 10 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Haji Mohd Nor Othman (BN) (Hulu Terengganu) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang lebih konkret bagi mengatasi masalah pembuangan bayi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap gejala pembuangan bayi di negara ini. Dalam menangani masalah ini, KPWKM melaksanakan langkah-langkah konkret bagi melindungi kanak-kanak atau wanita yang hamil luar nikah melalui penyediaan tempat perlindungan bagi kanak-kanak atau wanita yang hamil luar nikah agar mereka dapat melahirkan bayi dengan selamat.

Pada masa ini, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan empat (4) buah Taman Seri Puteri yang berperanan memberi perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil atau melahirkan bayi luar nikah serta sebuah Pusat Jagaan Sinar Kasih yang diwujudkan untuk wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera. Langkah ini bertujuan mencegah ibu-ibu muda

yang hamil di luar nikah daripada mengambil tindakan membuang bayi mereka.

Selain itu, Kementerian melalui lima puluh lima (55) buah institusi kebajikan, satu ratus empat (104) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan lima puluh lima (55) buah Klinik Nur Sejahtera di bawah seliaan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di seluruh negara sentiasa bersedia menerima bayi-bayi yang dikandung oleh ibu-ibu muda yang hamil di luar nikah.

Kementerian melalui JKM juga turut menjalin kerjasama erat dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan bagi membantu membendung masalah pembuangan bayi. Pada masa ini JKM menjalin kerjasama dengan lapan (8) buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan dalam menangani isu ini dan Pertubuhan-pertubuhan ini menerima geran dari JKM dalam menyediakan pusat perlindungan bagi ibu-ibu muda.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu, KPWKM turut menjalinkan kerjasama dengan OrphanCARE dengan melancarkan Pusat Jagaan Bayi Yang Tidak Diingini atau, dengan izin, ‘Baby Hatch’ yang pertama di negara ini. Penubuhan pusat ini adalah untuk memberi pelindungan kepada bayi yang dibuang atau tidak diingini sebelum ia diserahkan kepada keluarga angkat dan pusat ini beroperasi 24 jam.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui JKM dan LPPKN turut melaksanakan usaha-usaha berikut dalam

menangani gejala ini iaitu:

- a) Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang masih di peringkat awal terdedah kepada bahaya moral;

- b) Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-kanak 2001;
- (c) Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah (JKKD);
- (d) Menganjurkan kursus kemahiran keibubapaan seperti SmartStart dan Modul Kasih. Selain itu, Program Parenting@Work juga telah diperkenalkan di mana pendekatan diambil untuk memberikan kursus ini di tempat kerja bagi memudahkan ibu bapa menghadiri kursus berkenaan; dan
- (e) Mewujudkan Pusat Remaja kafe@TEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPPKN juga telah mula melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam aspek seksualiti, pembentukan nilai kendiri dan perhubungan kekeluargaan antara gender terhadap pihak-pihak tertentu seperti institusi kebajikan, institusi pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menjelaskan bahawa tanggungjawab menangani gejala pembuangan bayi ini bukanlah terletak di bahu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata. Kementerian tidak termampu menangani gejala ini secara bersendirian. Sehubungan itu kerjasama padu dari pelbagai agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan

Agama Islam, Kementerian Kesihatan Malaysia serta badan-badan bukan kerajaan seperti Persatuan Perancang Keluarga Malaysia, pihak swasta, ibu bapa serta masyarakat umum amat penting dalam membendung masalah pembuangan bayi.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia seperti yang diusahakan oleh Kementerian bersama-sama dengan akhbar Utusan Malaysia, Astro dan Persatuan Karyawan melalui kempen “KAMI PRIHATIN” diharap dapat menjadi pendorong kepada sektor korporat dan anggota masyarakat untuk sama-sama menggembangkan tenaga dan usaha bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya penuh yakin bahawa melalui usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian saya seperti mana disebutkan sebentar tadi dan dengan sokongan padu seluruh anggota masyarakat Malaysia dan sektor korporat di negara ini, maka gejala pembuangan bayi seperti yang sedang berlaku sekarang akan dapat dibendung sepenuhnya. InsyaAllah.

**PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2010**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 10 JUN 2010

**SOALANDVfl : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL MINTA MENTERI LUAR
NEGERI MENYATAKAN**

Ada dilaporkan oleh akhbar baru-baru ini anak-anak yang dilahirkan oleh warga asing yang ibu / bapa mereka mendaftar dengan United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) mengemis kerana mereka tiada pelajaran dan tidak berpeluang mendapat menuntut di sini:-

- (a) berapakah jumlah mereka yang mendaftar dengan UNHCR dan berikan pecahan mengikut warganegara; dan
- (b) apakah kekangan yang menyebabkan mereka tidak boleh bersekolah di Malaysia sementara menunggu mereka diterima oleh negara ketiga atau pulang ke negara asal mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani ke atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Malaysia bukan merupakan negara pihak kepada Konvensyen Berkaitan Status Orang-orang Pelarian 1951 dan Protokolnya 1967 (*Convention Relating to the Status of Refugee 1951 and its Protocol 1967*), yang menjadi asas bagi menentukan taraf pelarian bagi seseorang individu. Kerajaan berpendapat sekiranya Malaysia menjadi negara pihak Konvensyen tersebut, dan disokong oleh faktor kedudukan geografi Malaysia yang strategik di rantau Asia Tenggara, ianya akan menjadi faktor penarik kepada individu-individu datang ke Malaysia dan menuntut taraf sebagai orang pelarian, padahal, mereka sebenarnya datang ke Malaysia atas alasan mencari nafkah.

3. Untuk makluman Dewan sekalian, sehingga 1 Jun 2010, seramai 19,206 anak-anak yang dilahirkan oleh warga asing yang ibu bapa mereka telah mendaftar dengan United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR). Berikut merupakan perangkaan jumlah anak-anak yang telah mendaftar dengan pihak UNHCR mengikut pecahan warganegara:-

PERANGKAAN JUMLAH ANAK-ANAK YANG TELAH MENDAFTAR DENGAN PIHAK UNHCR SEHINGGA 1 JUN 2010 MENGIKUT WARGANEGARA

NEGARA ASAL / WARGANEGARA	JUMLAH
Myanmar	17629
Afghanistan	208
Bangladesh	2

Cambodia	19
China	18
Republic of Congo	2
Democratic Republic of the Congo	3
Ethiopia	1
Iran	21
Iraq	209
Kenya	2
Liberia	6
Nigeria	2
Pakistan	25
Palestine	74
Philippines	2
Sierra Leone	2
Somalia	319
Sri Lanka	411
Sudan	18
Syria	2
Thailand	31
Tunisia	2
Vietnam	11
Yemen	6
Zimbabwe	1
JUMLAH	19,026

Sumber: UNHCR

4. Oleh kerana tidak ada undang-undang khas bagi orang pelarian di negara ini, isu orang pelarian adalah tertakluk di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002), di mana ke semua mereka dianggap sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).
5. Seterusnya, anak-anak yang dilahirkan oleh warga asing yang ibu bapa mereka mendaftar dengan United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR), tidak

boleh bersekolah di sekolah kerajaan kerana tidak ada undang- undang khas mengenai persekolahan anak-anak ini. Di samping itu, ketiadaan dokumen pengenalan diri yang sah turut menyukarkan anak-anak ini memasuki alam persekolahan. Dokumen pengenalan diri yang dikeluarkan oleh pihak UNHCR tidak diiktiraf oleh pihak Kerajaan, kerana Malaysia bukan merupakan negara pihak kepada Konvensyen Berkaitan Status Orang-orang Pelarian 1951 dan Protokolnya 1967.

6. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak mempunyai dasar bagi memberi pendidikan formal kepada anak-anak yang dilahirkan oleh warga asing yang mendaftar dengan pihak UNHCR memandangkan mereka tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Walau bagaimanapun, selaras dengan usaha memberi pendidikan untuk semua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi sama ada kerajaan, pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dalam menyediakan pendidikan alternatif kepada anak-anak ini.

7. Anak-anak yang dilahirkan oleh warga asing yang mendaftar dengan pihak UNHCR boleh bersekolah di sekolah-sekolah swasta, sementara menunggu penghantaran pulang ke negara asal mereka atau penempatan semula ke negara-negara ketiga yang sudi menerima mereka. Namun demikian, ketiadaan dokumen pengenalan diri yang sah serta kedudukan kewangan ibu bapa mereka yang tidak mengizinkan merupakan kekangan berterusan kepada anak-anak ini dalam meneruskan persekolahan mereka di sini.

Sekian, terima kasih.

**INPUT PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

Pertanyaan

Daripada Tarikh PERTANYAAN LISAN Dato' Rashid bin Din [Merbok]

Menjawab 10Jun2010 [Selasa]

Soalan [No. 50]

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan tidakkah sedar bahawa Malaysia sebagai pendahulu dalam sektor perladangan sawit dipantau oleh NGO yang berkenaan dan apakah sumbangan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat Malaysia di luar negara akan diguna pakai dalam kempen anti sawit. Apakah kaedah yang diguna pakai oleh Kementerian untuk menentukan syarikat yang "recalcitrant" ini menjalankan pengusahaan mereka mengikut undang-undang, selain dari nasihat dan memperingati yang menjadi amalan sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negara dalam sektor perladangan sawit turut aktif di dalam menangani tohmahan dan dakwaan Badan-badan Bukan Kerajaan (*Non Governmental Organisations - NGO*) berhubung isu pengeluaran minyak sawit mapan. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan meliputi:

- i. memberi publisiti kepada pembangunan perladangan sawit secara mapan termasuk menyediakan maklumbalas terhadap tuduhan-tuduhan NGO yang tidak berasas dalam media massa;
- ii. penjelasan mengenai aktiviti-aktiviti mereka di dalam pembangunan industri sawit semasa perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan;
- iii. terlibat secara aktif di dalam *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) yang merupakan inisiatif industri bagi mensijilkan minyak sawit yang dikeluarkan secara mapan. RSPO memberi penekanan terhadap pendekatan untuk mengimbangi *People, Planet and Profits* dalam pembangunan industri sawit; dan

- iv. menganjurkan program kesedaran dan menyediakan bantuan-bantuan seperti kemudahan asas dan sekolah kepada masyarakat setempat untuk memperlihatkan keprihatinan mereka kepada pembangunan industri sawit secara keseluruhan.

Kerajaan sentiasa mengingatkan syarikat-syarikat Malaysia yang melabur dalam sektor perladangan sawit di luar negara untuk menghormati dan mematuhi undang-undang tempatan. Di samping itu, syarikat-syarikat berkenaan juga digalakkan mengamalkan prinsip kemapanan yang diamalkan di Malaysia seperti pembakaran sifar dalam pembukaan perladangan sawit. Ini adalah untuk memastikan agar syarikat-syarikat ini menunaikan tanggungjawab sosial mereka dan bukan semata-mata mencari keuntungan.

SOALAN NO: 51

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI

TARIKH: 10 JUN 2010

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pecahan kaum yang berkhidmat dengan sektor

Tuan Yang di-Pertua,
swasta mengikut kategori jawatan yang disandang.

PR-1232-L38550

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 2008, jumlah keseluruhan pekerja swasta adalah seramai 9.6 juta orang. Kaum Bumiputera mewakili seramai 6.1 juta, Cina 2.6 juta, India 0.76 juta manakala kaum-kaum lain seramai 100,000 orang.

Mengikut laporan yang sama, kategori pekerjaan adalah dipecahkan seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua,

Bil	Kategori Pekerjaan
1.	Penggubal Undang-undang, Pegawai Kanan dan Pengurus
2.	Professional
3.	Juruteknik dan Professional Bersekutu
4.	Pekerja Perkeranian
5.	Pekerja Perkhidmatan dan pekerja kedai dan Jurujual
6.	Pekerja Mahir Pertanian dan Perikanan
7.	Pekerja Pertukangan dan yang berkaitan
8.	Operator Loji dan Mesin serta Pemasang
9.	Pekerja Asas

Berdasarkan Laporan Taburan Peratus Penduduk Pekerja mengikut pekerjaan dan kumpulan etnik Tahun 2008 (Jadual B 3.6) - seperti di **Lampiran A**, dari sembilan (9) kategori pekerjaan di atas, lima (5) kategori pekerjaan didominasi oleh kaum Cina (iaitu penggubal undang-undang, pegawai kanan dan pengurus, profesional, pekerja perkeranian, pekerja perkhidmatan dan pekerja kedai dan jurujual dan pekerja pertukangan dan yang berkaitan), satu (1) kategori pekerjaan adalah didominasi oleh kaum Melayu (juruteknik dan profesional bersekutu) dan Bumiputera lain (pekerja mahir pertanian dan perikanan), satu (1) kategori pekerjaan adalah didominasi oleh kaum India (operator loji dan mesin serta pemasang) manakala selebihnya adalah daripada kaum- kaum lain (pekerjaan asas).

<m{7 Jun-13 Juki 10}/fus...25.S.10/NancyC38550

H6<^2-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISA
 N
 Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL

DARIPADA LIBARAN
KAWASAN

10.06.2010 (KHAMIS)

TARIKH NO. SOALAN

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL minta MENTERI
PERDAGANGAN ANT ARAB ANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk
mengurangkan harga alat ganti kenderaan mewah di negara
ini bagi menjadikan pasaran kenderaan jenis itu lebih
berdaya saing sekali gus meningkatkan permintaannya.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Harga jualan bagi komponen dan alat ganti kenderaan tidak ditetapkan oleh Kerajaan dan ianya bergantung kepada faktor permintaan dan penawaran dalam pasaran.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menentukan dan mengawal harga alat ganti dan komponen kenderaan. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengamalkan pasaran terbuka, harga alat ganti dan komponen tempatan akan ditentukan oleh kuasa pasaran.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 10 JUN 2010 (KHAMIS)

**DARIPADA Y.B. TUAN TENG BOON SOON
(TEBRAU)**

SOALAN

Y.B. TUAN TENG BOON SOON (TEBRAU) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah

langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu pembeli-pembeli rumah pangsa yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah yang terlibat di dalam projek perumahan terbengkalai.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan bebanan kewangan yang dihadapi oleh pembeli rumah projek perumahan yang terbengkalai terutamanya dari kalangan rakyat yang berpendapatan rendah. Antara langkah yang telah dan sedang diambil oleh KP KT adalah seperti berikut:-

- (a) Mengeluarkan **surat pengesahan projek perumahan terbengkalai** kepada pembeli-pembeli rumah.
- (b) **Mengadakan perundingan** dari semasa ke semasa dengan semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dalam pemajuan perumahan bagi mencari pilihan penyelesaian yang terbaik bagi projek-projek perumahan yang terbengkalai; dan
- (c) Melaksanakan pemulihan projek-projek perumahan swasta terbengkalai terutamanya kategori kos rendah dan kos sederhana melalui peruntukan Bajet 2010. Peruntukan ini

adalah bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2010

NO. SOALAN:54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAB LISAN
Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] 10 JUN 2010
(KHAMIS)

SOALAN

PERTANYAAN

DARIPADA Y.B. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA**
TARIKH **MENTERI**

menyatakan apakah projek-projek yang akan dilaksanakan
untuk menjayakan Negeri Pulau Pinang sebagai hub pengangkutan bagi
NCER.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tanjong, langkah untuk menjayakan
Pulau Pinang sebagai hub pengangkutan bagi Wilayah Ekonomi Koridor
Utara (NCER) adalah selaras dengan Rangka Tindakan Sosioekonomi
NCER di dalam membangunkan infrastruktur dan sektor logistik di NCER. Ini
juga sejajar dengan wawasan untuk menjadikan NCER sebagai wilayah
ekonomi bertaraf dunia menjelang tahun 2025.

Bagi menjayakan wawasan tersebut dan menjadikan Negeri Pulau Pinang
sebagai hub pengangkutan, NCER akan memanfaatkan pelbagai mod
pengangkutan dan kemudahan infrastruktur logistik yang sedia ada dan
yang dalam perancangan serta pelaksanaan oleh pihak Kerajaan seperti
projek-projek berikut:-

Projek- projek infrastruktur sedia ada:

- (i) Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS);
- (ii) Jambatan Pulau Pinang;
- (iii) Lingkaran Pengangkutan Bas Rapid Penang; dan
- (iv) Naik Taraf Pelabuhan Pulau Pinang

Projek-projek infrastruktur dalam perancangan dan pelaksanaan:

- (i) Projek Naik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang;
- (ii) Projek Penang Sentral di Butterworth;
- (iii) Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar;
- (iv) Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang; dan
- (v) Projek Teksi Air (*Water Taxi*) Pulau Pinang.

Dengan terlaksananya pelbagai projek infrastruktur utama yang melibatkan pembangunan infrastruktur pengangkutan tersebut menjelang tahun 2013, ini akan meningkatkan kapasiti perdagangan antarabangsa, pelaburan asing dan tempatan di dalam sektor-sektor ekonomi seperti elektrik dan elektronik (E&E), pembuatan, pertanian dan pelancongan yang seterusnya akan membantu menambahkan permintaan terhadap pengangkutan dan sektor logistik.

Kerajaan juga menyedari keperluan kecekapan dan akses pengangkutan untuk menghubungkan wilayah dan seluruh negara serta antarabangsa dalam membantu transformasi pembangunan ekonomi di NCER.

NO.SOALAN: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN

[Keningau]

TARIKH 10 JUN 2010

SOALAN

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah warga asing yang telah memohon dan diluluskan untuk mendapat kewarganegaraan Malaysia bagi negeri Sabah di antara tahun 1963 hingga 2009. Adakah pertumbuhan penduduk negeri Sabah yang tinggi disebabkan oleh pertambahan warga asing yang telah diberi hak kerakyatan Malaysia di negeri Sabah.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia yang telah diluluskan dan dikeluarkan Sijil Warganegara bagi negeri Sabah dari tahun 1963 sehingga tahun 2009 ialah sebanyak 12, 637 permohonan. Permohonan mereka diluluskan setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan mengikut Bahagian III: Kewarganegaraan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Sehubungan dengan itu, pemegang Mykad ataupun warganegara Malaysia adalah bebas untuk tinggal di mana jua tempat di dalam negara ini termasuklah di negeri Sabah. Perpindahan penduduk (internal migration) ke negeri-negeri pilihan termasuk ke negeri Sabah adalah merupakan penyumbang kepada pertumbuhan penduduk yang tinggi di sesuatu negeri seperti yang berlaku di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur termasuklah di negeri Sabah.

Oleh yang demikian, dakwaan bahawa pertumbuhan penduduk negeri Sabah yang tinggi disebabkan oleh pertambahan warga asing yang telah diberi hak kerakyatan Malaysia di negeri Sabah adalah tidak tepat.

Sekian, terima kasih.

NO.SOALAN:

56 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA DATO' KAMARUL BAHARINABBAS

[TELUK KEMANG]

TARIKH 10 JUN 2010

SOALAN

Dato' Kamarul Baharin Abbas (Teluk Kemang) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan kegunaan perkhidmatan trem (tram car) di pusat bandar seperti di Kuala Lumpur sebagai satu langkah yang positif untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas JAWAPAN

: **YB. DATO* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA

MENTERI Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini pihak Jabatan Keretapi tidak ada menerima apa-apa cadangan dari mana-mana pihak untuk memperkenalkan penggunaan perkhidmatan trem di Kuala Lumpur. Namun, kini pihak Kementerian Pengangkutan ada menerima cadangan pembinaan trem di kawasan Bandar Melaka dan pihak Jabatan Keretapi sedang meneliti cadangan tersebut. Walaubagaimanapun, pihak Kerajaan dalam memantapkan sistem pengangkutan awam darat terutama sekali di Lembah Kelang, bakal merencanakan pelan induk pengangkutan

awam darat dimana ianya akan juga mengambilkira perkhidmatan trem sekiranya perlu. Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 67

NO. AUP : 5^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN	DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
DARIPADA	10 JUN 2010
TARIKH	2879
SOALAN	
RJUKAN	

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tempoh dan program-program untuk Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001: 2008 dan jumlah bilangan anggota pada 31 Mei 2010. Apakah langkah-langkah yang digunakan untuk mewujudkan integriti di semua peringkat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri telah berjaya memperolehi pensijilan ISO 9001:2008 pada 11 Disember 2009. Tempoh sahlaku sijil ini ialah sehingga 10 Disember 2012. Disamping itu, lima daripada tujuh Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian iaitu Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Penjara Malaysia (JPM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) juga telah berjaya memperoleh pensijilan versi baru ini. Dua lagi Jabatan iaitu Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) kini sedang giat untuk mendapatkan pensijilan tersebut. Antara program-program yang terdapat di dalam Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 adalah melibatkan permohonan lesen agensi-agensi persendirian dan penguatkuasaan Akta Agensi Persendirian 1971, pengurusan dalam urusan kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran meliputi kawalan ke atas lesen mesin cetak, permit penerbitan, lesen mencetak Al-Quran, perakuan pruf akhir teks Al-Quran dan penguatkuasaan Akta berkaitan.

Tuan Yang Dipertua,
Untuk mewujudkan integriti di semua peringkat dalam Kementerian Dalam Negeri iaitu seramai 2,949 orang pegawai dan kakitangan, Pelan Integriti Kementerian Dalam Negeri telah dilancarkan pada 3 Mac 2010 sebagai asas panduan pemantapan integriti semua warga Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan di dalamnya. Lapan (8) strategi telah digariskan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan di dalamnya untuk merealisasikan Pelan Integriti Kementerian Dalam Negeri (PIKDN).

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA : **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
 [LEMBAH PANTAI]

TARIKH **10 JUN 2010**

SOALAN:

Puan Nurul Izzah binti Anwar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila sistem undi pos akan dimansuhkan memandangkan timbul kontroversi akan ketelusan sistem tersebut dan realiti para askar yang tidak lagi ditempatkan di kawasan terpencil dan boleh dibawa ke pengkalan semasa hari pengundian dilakukan.

JAWAPAN : **YB. DATO* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pengundian pos yang

diperuntukkan oleh Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003, telah dibuat berdasarkan Perkara 119 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan, dan menurut Seksyen 16 Akta Pilihan Raya 1958. Ia bertujuan untuk membolehkan anggota-anggota pasukan keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), selain Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) khususnya Pasukan Gerakan Am (PGA), yang senantiasa bersiap-siaga untuk bertugas menjaga serta mengawal ketenteraman awam dan keamanan negara daripada ancaman musuh, termasuk pasangan-pasangan mereka, menunaikan hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara bagi memilih wakil rakyat yang mereka suka, tanpa perlu meninggalkan balai atau kem atau tempat mereka bertugas untuk berada di pusat-pusat mengundi di merata-rata tempat untuk menunaikan tanggungjawab masing-masing mengundi pada hari mengundi.

Andainya sistem pengundian pos ini dihapuskan, ia boleh menjelaskan keselamatan dan ketenteraman awam kerana mereka terpaksa meninggalkan balai atau kem atau tempat mereka bertugas untuk membuang undi di tempat-tempat mengundi di seluruh Negara. Keadaan ini boleh menyebabkan mereka tidak boleh menjalankan tanggungjawab menjaga keselamatan dan keamanan Negara serta memelihara ketenteraman awam pada hari berkenaan.

Berasaskan kepada kepentingan menjaga keselamatan Negara serta memelihara ketenteraman awam itu dan juga bagi mematuhi kehendak Perlembagaan

Persekutuan, maka Kerajaan berpendirian bahawa, sistem yang membenarkan anggota-anggota keselamatan Negara ini dan pasangan mereka mengundi menggunakan kaedah pos, masih perlu dikekalkan. Namun begitu, kerajaan masih mengkaji cara yang lebih efektif dan efisien untuk menambahbaik kaedah pengundian ini.

Sekian, terima kasih.

NO.AUM : 21 NO.

AUP : S^q

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH 10 JUN 2010

RUJUKAN 2693

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pihak Polis menyerbu dan menahan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan dengan menggunakan balaclava dan senapang pada 4.5.2010, semasa baginda dalam perjalanan dari Istana Mahkota Kelantan ke Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis bukanlah menyerbu atau menahan KDYMM Al-Sultan Kelantan seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat. Tindakan yang dilakukan oleh pihak polis pada waktu itu adalah bertujuan untuk menjamin keselamatan KDYMM Al-Sultan Kelantan secara maksimum semasa baginda dalam perjalanan untuk mendapatkan rawatan di hospital. Semasa menjalankan tugas dan tanggung jawab tersebut, sememangnya pihak polis dibekalkan dengan kelengkapan seperti balaclava dan senjata api.

Soalan No: 60

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BHARU - PAS]

TARIKH 10 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN NO. 60

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah (Kota Bharu - PAS) minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan berapakah perbelanjaan Kerajaan yang disalurkan terus atau melalui BAM dalam usaha memenangi Piala Thomas dan Piala Uber 2010.

JAWAPAN

Jumlah perbelanjaan yang melibatkan peruntukan Kerajaan dalam penganjuran Kejohanan Piala Thomas & Uber 2010 (9 hingga 16 Mei 2010) adalah sebanyak RM452,085. Peruntukan tersebut adalah sebagai persediaan skuad badminton negara untuk menghadapi Piala Thomas dan Piala Uber yang merangkumi penyertaan ke kejohanan antarabangsa dan Kem Bina Semangat yang diadakan di Port Dickson dari 23 hingga 25 April 2010 yang lalu.

Soalan No: 61

PEMBERITAHU

AN

PERTANYAAN DARIPADA	<u>PERTANYAAN JAWAB LISAN</u>
	<u>DEWAN</u> TUAN WONG HO LENG
TARIKH SOALAN	<u>RAKYAT</u> 10 JUN 2010 (KHAMIS)
	NO.61

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menubuhkan sebuah universiti sepenuhnya di Sibu (dan bukannya kolej universiti) untuk mengatasi masalah "brain drain" di mana ramai pelajar tempatan tidak pulang ke Sibu selepas mendapatkan pengajian tinggi di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kementerian tidak bercadang untuk menambah bilangan universiti awam termasuk di Sibu memandangkan universiti awam sedia ada masih mampu menampung keperluan akses pengajian tinggi negara. Manakala, bagi menaiktaraf IPTS kepada IPTS bertaraf universiti, ia bergantung kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan, antaranya mempunyai kekuatan sumber kewangan, tenaga pengajar yang berkelayakan, "*niche-area*" program yang ditawarkan dan program yang telah mendapat akreditasi.

Di kalangan empat IPTS yang beroperasi di Sibu iaitu Institut Methodist Pilley, Kolej ITA, Kolej Sacred Heart Sibu, dan Kolej Laila Taib, tiada yang mencapai taraf kolej universiti untuk melayakkannya dipertimbangkan ke taraf universiti.

NO SOALAN : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
TARIKH	10 JUN 2010
SOALAN	

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula Akta Penempatan Berkelompok, 1960 (Akta GSA 1960) bagi membolehkan tanah-tanah yang diberikan kepada FELDA Plantations diambil kembali dan diisi bagi penempatan Generasi Kedua FELDA.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan belum bercadang mengkaji semula Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok 1960) kerana terbukti pengurusan tanah berdasarkan akta ini telah berjaya mengeluarkan penduduk dari keadaan kemiskinan melalui

peningkatan pendapatan. Melalui pengurusan tanah secara berkelompok, ia dapat mengelakkan pemecahan tanah yang akhirnya membawa kepada saiz yang tidak ekonomik. Pengurusan secara berkelompok membolehkan penyediaan infrastruktur, penyaluran bantuan, pemberian khidmat nasihat dan pengurusan secara keseluruhan dapat dibuat dengan lebih teratur dan cekap. Semua peruntukan yang terkandung dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 adalah bertujuan menjaga kepentingan pemilik tanah dari segi pengekalan hak milik, pengurusan secara sistematik dan juga untuk menjamin pulangan maksima dari pemilikan tanah.

Mengenai tanah yang tidak menempatkan peneroka dan diberikan kepada FELDA Plantations, ia sebenarnya adalah tanah milik FELDA. Tanah-tanah ini merupakan tanah yang telah dibayar premium kepada Kerajaan Negeri dan telah dikeluarkan hak milik kepada FELDA. FELDA Plantations bukanlah pemilik tanah, sebaliknya hanyalah sebagai agen pengurusan yang dilantik mengurus tanah FELDA. Sebagai agen pengurusan, FELDA Plantations dibayar levi berasaskan kepada prestasi hasil keuntungan setiap tanah ladang yang diuruskan. Sebahagian besar keuntungan daripada usaha tanah-tanah ini dikembalikan semula kepada peneroka dan generasinya dengan pelbagai program dan kaedah.

NO SOALAN : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT 000000000000000000

PERTANYAAN

Soalan No: 63

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN
AHMAD (KUALA
LISAN SELANGOR)
PERTANYAAN
10.06.2010
TARIKH 63
SOALAN NO

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bagaimanakah jumlah yang tiris akibat perjudian ‘haram’ yang tidak berlesen yang dianggarkan sebanyak RM850 juta sehari oleh Maybank Securities sedikit waktu dahulu, mampu diatasi hanya apabila hanya satu pihak yakni Kumpulan Berjaya sahaja yang diberikan lesen judi sukan baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. K
erajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.
3. K
erajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap

cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

Soalan No

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN ER TECK HWA
PEMBERITA(BAKRI)

TARIKH

HU 10.06.2010

PERTANYA

PERTANYA

SOALAN:

AN DEWAN

Y.B. TUAN ER ~~RAKJAT~~ HWA [BAKRI] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) bilangan dan nama SJK(C) dan SJK(T) yang mendapat kemudahan kadar cukai tanah RM1 sehingga hari ini; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk membantu SJK(C) dan SJK(T) yang tidak dapat menikmati kadar cukai tanah RM1 demi mengurangkan beban kos pentadbiran pihak sekoiah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 3/2002 mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Keputusan Majlis Tanah Negara yang ke-55 berhubung dengan Sekoiah Bantuan Modal telah memutuskan supaya:
 - i) Kerajaan Negeri menyelaraskan kadar cukai tanah tapak Sekoiah Bantuan Modal dan menetapkannya pada satu kadar nominal RM1.00 (Satu Ringgit) bagi satu hakmilik;

- ii) Kerajaan Negeri mengurangkan jumlah tunggakan cukai tanah berkenaan yang sedia ada kepada kadar nominal RM1.00 (Satu Ringgit); dan
- iii) Tanah yang diliputi di bawah dasar ini hanyalah yang digunakan untuk tapak Sekolah Bantuan Modal yang diperakukan oleh Kementerian Pelajaran atau berdaftar dengan Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak menguruskan berkaitan kadar cukai tanah kerana urusan cukai tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. KPM tidak pernah mengabaikan tanggungjawab dalam membantu semua sekolah termasuklah SJKC dan SJKT sama ada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, agar pentadbiran sekolah tidak terbeban dengan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Oleh hal yang demikian, KPM telah menyediakan dua bentuk peruntukan iaitu Peruntukan Pembangunan dan Peruntukan Belanja Mengurus kepada semua sekolah, sama ada sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan (sekolah bantuan modal). Berdasarkan perancangan awal RMKe-9, KPM telah menyediakan dana pembangunan sebanyak RM100 juta kepada semua sekolah bantuan kerajaan. KPM tidak menetapkan jumlah pecahan peruntukan mengikut aliran sekolah-sekolah tertentu tetapi berdasarkan kepada keutamaan terutamanya bagi kes-kes yang melibatkan keselamatan dan keselesaan sekolah. Peruntukan Belanja Mengurus yang merangkumi emolumen dan elauan guru, bayaran utiliti, pemberian Bantuan Per Kapita (PCG), kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (P & P) melalui peruntukan PCG, diberikan secara sama rata kepada semua sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan (sekolah bantuan modal) berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut.

SCM LAN r*O.0g

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH (JASIN) HAJI

TARIKH : 10 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN:

**Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH (JASIN) minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan:**

- (a) jumlah kemalangan yang melibatkan kenderaan terjatuh daripada jambatan di sepanjang lebuh raya can jal'an persekutuan disebabkan keadaan struktur perghadang jambatan (*bridge railing*) yang lemah; dan
- (b) apakah langkah-langkah diambil bagi menaik taraf *bridge railing* dan standard khusus Kementerian dalam pemasangan peralatan keselamatan jalan (*road fumitures*) bagi memastikan keselamatan pangguna terjamin.

JAWAPAN;

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes kemalangan yang melibatkan kenderaan terjatuh dari jejambat di Jalan Persekutuan bagi tempoh antara tahun 2007 hingga kini ialah sebanyak 3 kes di Jalan Persekutuan dan 19 kes di lebuh raya, iaitu 14 di Lebuh raya PLUS, 4 di Lebuh Raya Hubungan Tengah EIJTE dan 1 kes Lebuh Raya Kuala Lumpur - Karak. Antara faktor utama yang dikenal pasti sebagai punca berlaku kenderaan terjinam dari jejambat ialah impak hentaman *railing* akibat kelajuan tinggi oleh kenderaan yang terlibat dengan kemalangan. Kesan dari kelajuan tinggi tersebut telah mengakibatkan pengadang-pengadang jalan atau *railing* yang dibina tidak lagi mampu menampurig beban hentakan.

Kementerian Kerja Raya sememangnya amat prihatin dan tidak akan berkompromi terhadap faktor keselamatan pengguna di jalan raya dan lebuh raya. Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM3.0 juta dalam tempoh RMKe-9 bagi mengganti *railing* dan pengadang jalan yang teslah usang dan tidak memenuhi spesifikasi. Di samping itu, JKR juga akan meiancarkan program nasional dalam RMKe-10 bagi memperbaiki taraf *railing* dan pengadang ke tahap piawai minimum, iaitu *Test Level 3* (TL3) di Jalan Persekutuan biasa dan TL5/TL6 di Jalan Persekutuan yang berisiko tinggi berlaku kemalangan. Anggaran kos kesfiluruhcin yang terlibat ialah sebanyak RM13.7 juta.

Untuk mengurangkan risiko kemalangan kenderaan terjatuh dari jejambat di lebuh raya pula, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah diarah untuk memastikan semua syarikat konsesi lebuh raya meningkatkan ciri-ciri keselamatan pengadang dan *railing* kepada piawai minimum TL5/TL6. Sebagai contoh, pengendali Lebuh Raya Utara - Selatan, PLUS Expressway Sdn. Bhd. pada masa kini telah dan sedang melaksanakan program penggantian *railing* di lokasi-lokasi kemalangan yang telah dikenal pasti, seperti laluan antara Bukit Lanjan - Jalan Duta, Kuala Lumpur dan Pemppangan Bertingkat Pedas/Lingga di Lebuh Raya PLUS,

